

# Terma Dan Syarat Yang Mentadbir Perkhidmatan Amanah Saham

## 1. Definisi

Perkataan dan ungkapan berikut mempunyai makna yang diberikan kepada mereka melainkan jika konteksnya memerlukan makna yang lain:-

“Akaun”	bermakna Akaun Pelaburan Amanah Saham yang dibuka dan dikekalkan dengan kami untuk transaksi Amanah Saham.
“Pemegang Akaun” atau “anda”	bermakna pemegang akaun untuk Akaun, sama ada secara tunggal atau bersama, dan akan termasuk wakil peribadi, pengganti hak milik dan penerima serah hak yang dibenarkan masing-masing.
“Undang-undang yang Digunakan”	bermakna semua statut, undang-undang, peraturan, pengawalan, garis panduan (termasuk tetapi tidak terhad kepada garis panduan Bank Negara Malaysia), arahan dan pekeliling yang berkaitan atau berkenaan (sama ada yang dikeluarkan oleh mana-mana mahkamah, tribunal, badan kerajaan atau pihak berkuasa atau organisasi kawal selia sendiri yang mempunyai bidang kuasa ke atas kami atau mana-mana individu lain dalam Kumpulan).
“Penandatangan yang Dibenarkan”	bermakna seorang individu (sama ada secara bersendirian atau bersama dengan mana-mana individu atau individu-individu lain) yang dibenarkan oleh anda untuk memberi Arahan dan / atau mengendalikan Akaun.
“Hari Perniagaan”	bermakna hari di mana Bank dibuka dan / atau dikekalkan dalam negeri di mana tempat perniagaan Bank terletak untuk menjalankan urusan perniagaan dalam bentuk yang diperlukan atau dimaksudkan oleh Terma dan Syarat ini.
“Kod”	bermakna Kod Hasil Dalam Negeri 1986 yang dikeluarkan oleh Amerika Syarikat.
“Penjaga”	bermakna mana-mana bank, bank saudagar, syarikat amanah, syarikat penama, depositori atau ahli firma dari mana-mana bursa sekuriti yang dilantik oleh kami sebagai penjaga Amanah Saham anda, termasuk Sub-Penjaga di mana konteksnya dibenarkan.
“Hari Berurus”	bermakna hari di mana Dana menerima urusan Amanah Saham.
“KWSP”	bermakna Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, sebuah dana yang ditubuhkan menurut Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991 (seperti yang dipinda dan ditambah dari semasa ke semasa).
“Lembaga KWSP”	bermakna Lembaga Kumpulan Wang Simpanan Pekerja yang menguruskan KWSP.
“Skim KWSP”	bermakna skim KWSP yang membenarkan ahli-ahli melakukan pengeluaran dari dana KWSP untuk melanggan Pelaburan dalam Dana yang diluluskan oleh Lembaga KWSP.

"Peraturan KWSP"	bermakna syarat, prosedur atau peraturan untuk mengeluarkan dana di bawah Skim KWSP.
"FATCA"	bermakna seksyen 1471 hingga 1474 dalam Kod serta peraturan dan garis panduan lain yang dikeluarkan di bawah Kod, setiap daripadanya dipindu dari semasa ke semasa (secara amnya dikenali sebagai Akta Pematuhan Pencukaian Akaun Asing) ("FATCA") atau mana-mana perjanjian lain yang dimasuki dengan atau di antara pihak berkuasa untuk pelaksanaan FATCA.
"Dana"	bermakna mana-mana syarikat pelaburan, amanah saham, dana bersama atau mana-mana skim Amanah Saham kolektif lain di mana Amanah Saham mungkin ditawarkan kepada orang ramai di Malaysia untuk langganan dan yang diedar atau disediakan oleh kami.
"Dokumen Dana"	bermakna prospektus / memorandum maklumat, Helaian Makluman Produk, memorandum penjelasan, laporan tahunan dan akaun serta bahan promosi dan pengiklanan, terbitan dan maklumat statistik lain serta terbitan dan bahan lain yang dikeluarkan oleh Dana, atau berhubung dengan mana-mana Amanah Saham.
"Kumpulan"	bermakna cawangan, agensi, pejabat perwakilan, syarikat gabungan, bersekutu atau berkaitan kami, dan pegawai, kakitangan atau agen mereka, sama ada terletak di dalam atau di luar Malaysia, dan termasuk kami.
"Arahan"	bermakna apa-apa permintaan, permohonan untuk pembukaan Akaun, kebenaran atau arahan dalam apa-apa bentuk, bahan dan cara yang dilakukan kepada kami oleh anda berhubung dengan Akaun dan Perkhidmatan Amanah Saham.
"Kerugian"	bermakna kos (termasuk kos guaman), perbelanjaan, pembayaran, liabiliti, tanggungjawab, penalti, tuntutan, permintaan, tindakan, prosiding, penghakiman, guaman, kerugian dan ganti rugi dalam apa-apa bentuk.
"Data Peribadi"	bermakna sebarang maklumat yang berkaitan secara langsung atau tidak langsung kepada seorang individu, di mana bagi tujuan Terma dan Syarat ini mungkin termasuk, tetapi tidak terhad kepada, nama, alamat, pekerjaan, butiran hubungan, maklumat yang diperoleh daripada sistem keselamatan (termasuk rakaman imej pada Televisyen Litar Tertutup (CCTV)), maklumat yang terkandung dalam Akaun yang dipegang oleh anda sama ada secara tunggal atau bersama dengan mana-mana individu lain, jenis produk dan/atau perkhidmatan yang anda telah melanggan dengan kami serta data lain sedemikian yang diperlukan mengenai diri anda dan transaksi anda dengan kami.
"Kakitangan"	bermakna pengarah, pegawai, kakitangan, pekerja dan agen kami.
"Pesanan Belian"	bermakna permohonan untuk melanggan, tawaran untuk membeli, atau penerimaan tawaran untuk langganan Amanah Saham yang dilakukan oleh kami kepada Dana bagi pihak anda, di bawah Perkhidmatan Amanah Saham.
"Peraturan"	bermakna mana-mana Garis Panduan Bank Negara Malaysia, sebarang pengawalan atau peraturan mana-mana badan kerajaan atau kawal selia atau pihak berkuasa yang mempunyai bidang kuasa ke atas kami, sebagaimana yang dipinda dan dilaksanakan dari semasa ke semasa.

"Akaun Penyelesaian"	bermakna akaun simpanan atau akaun semasa yang dikenakan dengan kami atau mana-mana institusi kewangan berlesen lain di Malaysia yang anda tetapkan dalam borang Arahan Pembayaran Tetap untuk mengkreditkan hasil penebusan, hasil kematangan dan pembayaran dividen tunai yang dikeluarkan berhubung dengan Dana.
"Penyata"	termasuk Penyata Akaun atau nota kontrak, notis atau makluman pengesahan untuk Perkhidmatan Amanah Saham, atau jika berkenaan, apa-apa dokumen yang sama.
"Penyata Akaun"	bermakna salinan fizikal penyata yang kami keluarkan kepada anda setiap bulan atau atas permintaan anda, yang menunjukkan jumlah Amanah Saham dalam Akaun, harga seunit Amanah Saham dan penilaian pasaran Amanah Saham tersebut.
"Sub-Penjaga"	bermakna mana-mana bank, syarikat amanah saudagar, syarikat pengurusan aset, syarikat penama, depositori atau ahli firma mana-mana bursa sekuriti yang dilantik oleh kami atau Penjaga sebagai sub-penjaga Amanah Saham anda dan/atau sebagai pentadbir untuk membantu kami melaksanakan Perkhidmatan Amanah Saham.
"Terma dan Syarat"	bermakna Terma dan Syarat yang mentadbir Perkhidmatan Amanah Saham (termasuk sebarang perubahan atau tambahan kepadanya seperti yang kami mungkin tentukan dari semasa ke semasa).
"Subjek Data Pihak Ketiga"	bermakna seorang individu di mana Data Peribadi beliau telah diberikan kepada kami dan mungkin termasuk, tetapi tidak terhad kepada penerima mandat, waris, tanggungan, penjamin individu, dan pembekal keselamatan anda.
"UOBM", "Bank", "kami" dan "kita"	bermakna United Overseas Bank (Malaysia) Bhd (No. Syarikat 199301017069 (271809-K)), dan di mana berkenaan, Penjaga, Sub-Penjaga atau Kakinagan.
"Amanah Saham"	mempunyai makna yang sama seperti "skim amanah saham" dalam Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007.
"Perkhidmatan Amanah Saham"	bermakna sebarang perkhidmatan yang ditawarkan, diberikan atau disediakan oleh Bank kepada Pemegang Akaun, berhubung dengan Akaun dan/atau Amanah Saham.
"AS"	bermakna Amerika Syarikat.
"Rakyat AS"	bermakna warganegara AS atau pemastautin individu AS, perkongsian atau syarikat yang diperbadankan di AS atau di bawah undang-undang AS atau mana-mana negeri di AS, suatu amanah jika (i) mahkamah di AS akan mempunyai kuasa di bawah undang-undang yang digunakan untuk memberi arahan atau penghakiman mengenai sebahagian besar isu-isu berkenaan pentadbiran amanah, dan (ii) satu atau lebih daripada satu Rakyat AS mempunyai kuasa untuk mengawal semua keputusan utama amanah tersebut, atau estet bagi keturunan seseorang yang merupakan warganegara atau penduduk AS. Definisi ini akan ditafsirkan mengikut Kod. Sila dimaklumkan bahawa individu yang telah kehilangan kewarganegaraan AS mereka dan yang menetap di luar AS mungkin dianggap sebagai Rakyat AS dalam keadaan tertentu.

## 2. Terma dan Syarat

Terma dan Syarat ini akan mentadbir Akaun yang kami sediakan untuk anda. Dengan membuka, mengekalkan dan menggunakan Akaun, anda bersetuju untuk diikat oleh Terma dan Syarat ini. Anda dianggap telah membaca, memahami dan menerima setiap terma.

## 3. Pembukaan Akaun dan Kelayakan Akaun

- 3.1 Sebelum menggunakan Perkhidmatan Amanah Saham, anda mesti membuka dan mengekalkan:-
  - (a) Akaun dengan kami; dan
  - (b) akaun semasa atau simpanan di mana anda menetapkan akaun tersebut sebagai akaun penyelesaian bagi memudahkan pembayaran berhubung dengan Amanah Saham dan / atau Perkhidmatan Amanah Saham yang termasuk tetapi tidak terhad kepada langganan, pembayaran dividen, penebusan, fi dan caj.
- 3.2 Jika anda seorang individu, anda mestilah bukan seorang Rakyat AS dan berumur lapan belas (18) tahun ke atas pada tarikh permohonan supaya layak untuk membuka Akaun. Kami boleh, pada budi bicara mutlak kami menolak sebarang permohonan Akaun tanpa memberi apa-apa sebab.

## 4. Mandat / Arahan

- 4.1 Mandat Operasi untuk mengendali atau menggunakan Akaun:-
  - (a) anda mesti memberikan kami semua maklumat mengenai diri anda dan Penandatangan yang Dibenarkan; dan
  - (b) anda mesti memberikan kami mandat / kebenaran untuk mengendalikan Akaun jika anda mempunyai lebih daripada satu Penandatangan yang Dibenarkan dan jika Akaun merupakan akaun bersama.
- 4.2 Perubahan dalam mandat operasi:-
  - (a) anda mesti memaklumkan kami secara bertulis dengan serta-merta mengenai sebarang pertukaran atau perubahan dalam mandat operasi atau apabila anda ingin menukar tandatangan atau tandatangan Penandatangan yang Dibenarkan anda; dan
  - (b) kami berhak mendapat tempoh masa yang munasabah (yang tidak kurang dari tujuh (7) Hari Perniagaan dari tarikh penerimaan) untuk memproses pemberitahuan perubahan sedemikian. Kami mungkin, pada penilaian kami, bertindak ke atas mana-mana Arahan, yang ditandatangani oleh anda sebelum kami memproses pemberitahuan perubahan sedemikian.
- 4.3 Arahan:-
  - (a) Kecuali dinyatakan sebaliknya dalam Terma dan Syarat ini, semua Arahan yang diberikan oleh anda atau mana-mana Penandatangan yang Dibenarkan adalah muktamad dan akan mengikat anda.
  - (b) Kami berhak untuk menolak atau tidak bertindak ke atas mana-mana Arahan, sama ada untuk suatu transaksi atau apa-apa perkara berhubung dengan Akaun dan / atau Perkhidmatan Amanah Saham, jika:-

- (i) kami tidak dapat mengesahkan identiti anda atau identiti mana-mana Penandatangan yang Dibenarkan pada kepuasan kami;
  - (ii) kami mempunyai sebarang keraguan mengenai kesahihan, kejelasan dan kelengkapan Arahan;
  - (iii) bentuk atau kandungan Arahan tersebut tidak selaras dengan keperluan atau polisi atau amalan seperti yang kami tentukan dari semasa ke semasa;
  - (iv) Arahan tidak selaras dengan mandat yang sedang berkuatkuasa berhubung dengan pengendalian Akaun tersebut;
  - (v) tandatangan pada Arahan adalah berbeza daripada contoh tandatangan dalam rekod kami; atau
  - (vi) suatu Peristiwa Kemungkirian telah berlaku atau sedang berlaku.
- 4.4 Kami boleh bertindak ke atas apa-apa arahan yang kami percaya telah diberikan oleh anda dengan niat baik, tanpa siasatan terhadap:-
- (a) identiti atau kewibawaan individu yang memberi atau yang dikatakan memberi Arahan tersebut; atau
  - (b) kesahihan Arahan tersebut walaupun:-
- (i) Arahan tersebut mungkin bercanggah dengan arahan lain yang diberikan oleh anda atau mana-mana Penandatangan yang Dibenarkan kepada kami; atau
  - (ii) terdapat apa-apa kesilapan, salah faham, penipuan, pemalsuan atau kurang kejelasan dalam terma Arahan tersebut.
- 4.5 Pada kematian, ketidakupayaan mental, kebankrapan atau pembubaran mana-mana Pemegang Akaun, kami boleh pada budi bicara mutlak kami membeku atau menggantung Akaun dan Perkhidmatan Amanah Saham tanpa bertanggungjawab kepada anda sehingga kami menerima bukti yang memuaskan kami mengenai individu yang mempunyai kuasa undang-undang untuk mengendali Akaun dan menguruskan Amanah Saham.
- 4.6 Anda mengakui bahawa kami boleh melaksanakan sebarang prosedur dan ciri-ciri keselamatan yang kami anggap sesuai dan / atau diperlukan dari semasa ke semasa untuk mengesahkan identiti anda dan bahawa Arahan tersebut telah diberikan oleh anda kepada kami. Tanpa menjelaskan apa-apa yang dinyatakan sebelum ini, kami mungkin memerlukan pengesahan untuk sebarang Arahan daripada anda dalam apa-apa bentuk atau cara yang kami anggap sesuai.

## 5. Pemegang Akaun Bersama

- 5.1 Bagi akaun bersama, kami akan bertindak mengikut mandat bersama anda kecuali kami:-
- (a) menerima Arahan yang tidak jelas berhubung dengan Akaun atau berkenaan dengan Amanah Saham;
  - (b) sebelum bertindak ke atas Arahan daripada seorang Pemegang Akaun, menerima arahan yang bercanggah daripada Pemegang Akaun yang lain;
  - (c) menerima Arahan berhubung dengan penutupan Akaun; atau

- (d) menyedari akan apa-apa pertikaian;
- di mana kami berhak menolak untuk bertindak dan menegaskan bahawa kami hanya akan bertindak atas arahan semua Pemegang Akaun atau semua Penandatangan yang Dibenarkan. Dalam semua dan mana-mana kes yang dinyatakan dalam Klausu ini, kami tidak akan bertanggungjawab terhadap mana-mana Pemegang Akaun bersama atau rakan kongsi, Penandatangan yang Dibenarkan, ahli, pemegang saham atau pengarah Pemegang Akaun kerana bertindak atau tidak bertindak sedemikian.
- 5.2 Anda boleh meminta Pemegang Akaun lain untuk memegang Amanah Saham bersama dengan anda, dengan syarat setiap Pemegang Akaun individu tersebut mestilah bukan seorang Rakyat AS.
- 5.3 Jika Akaun dibuka dan dikekalkan dalam nama lebih daripada seorang:-
- (a) setiap Pemegang Akaun akan bertanggungjawab secara bersama dan berasingan untuk semua liabiliti yang ditanggung berhubung dengan Amanah Saham atau baki debit dalam Akaun;
  - (b) diikat oleh Terma dan Syarat ini (termasuk sebarang pindaan dari semasa ke semasa);
  - (c) jika mandat akaun adalah untuk mana-mana satu Pemegang Akaun boleh berurusan dengan Akaun (termasuk tetapi tidak terhad kepada pengeluaran, arahan (sama ada lisan, bertulis atau sebaliknya) dan penutupan Akaun), anda bersetuju bahawa kami berhak bertindak atas arahan daripada satu Pemegang Akaun sahaja dan anda akan bertanggungjawab secara bersama dan berasingan untuk semua transaksi yang timbul daripada arahan sedemikian tanpa mengira sama ada anda:-
    - (i) menyedarinya;
    - (ii) bersetuju dengannya; atau
    - (iii) akan mendapat manfaat daripada atau mengalami apa-apa kerugian yang timbul daripada;  
arahan sedemikian daripada Pemegang Akaun yang lain.
- 5.4 Tiada seorang pun daripada Pemegang Akaun akan dilepaskan, dan tanggungjawab beliau tidak akan terjejas oleh sebarang pelepasan, pembebasan, masa, kepuasan, konsesi, penepian atau persetujuan pada bila-bila masa atau terjejas berhubung dengan mana-mana satu atau lebih daripada satu Pemegang Akaun lain.
- 5.5 Kami hanya akan menghantar satu notis atau komunikasi kepada alamat surat-menyurat yang dinyatakan oleh Pemegang Akaun secara bertulis selaras dengan mandat yang sedang dikuatkuasakan berkenaan Akaun, dan notis atau komunikasi tersebut akan dianggap telah dihantar kepada semua Pemegang Akaun.
- 5.6 Doktrin kemandirian akan digunakan bagi mana-mana Akaun yang dibuka atas nama bersama yang lebih daripada seorang.
- 5.7 Pada kematian mana-mana Pemegang Akaun bersama:-
- (a) kami boleh pada budi bicara mutlak kami menggantung Akaun dan Amanah Saham tanpa bertanggungjawab kepada setiap Pemegang Akaun; dan
  - (b) kami dibenarkan untuk membayar wang dalam Akaun atau memindahkan Amanah Saham yang dipegang dalam Akaun kepada Pemegang Akaun yang masih hidup atau memegang baki kredit dalam Akaun atau Amanah Saham dalam Akaun pada arahan Pemegang Akaun yang masih hidup sebagai tambahan kepada dan tanpa menjelaskan sebarang hak yang kami mungkin ada berhubung dengan baki sedemikian yang timbul daripada, antara lain,

sebarang lien, caj, cagaran, penyelesaian atau apa-apa tuntutan atau tuntutan balas lain, sama ada sebenar atau di luar jangkaan.

## 6. Peruntukan untuk Firma / Perkongsian / Pemilikan Tunggal

- 6.1 Untuk perkongsian (didaftarkan di bawah Akta Perkongsian 1961), semua rakan kongsi (pada dasar bersama dan berasingan) akan diikat oleh Terma dan Syarat ini, dan bertanggungjawab ke atas semua hutang dan liabiliti lain yang terhutang oleh anda kepada kami walaupun terdapat sebarang perubahan dalam perkongsian, anda melaksanakan perubahan nama atau telah dibubarkan. Kami boleh, jika tidak terdapat notis bertulis untuk sebaliknya, menganggap bahawa rakan kongsi yang masih ada atau yang baru sebagai mempunyai kuasa penuh untuk menjalankan urusan perkongsian dan untuk berurusan dengan Akaun seolah-olah tidak terdapat sebarang perubahan dalam perlombagaan perkongsian.
- 6.2 Untuk pemilikan tunggal, individu yang merupakan pemilik tunggal adalah bertanggungjawab ke atas semua hutang dan liabiliti lain yang anda hutang kepada kami walaupun terdapat sebarang perubahan dalam pembentukan pemilikan tunggal tersebut, anda melakukan perubahan nama atau pemilikan tunggal tersebut tidak lagi wujud.
- 6.3 Untuk perkongsian (didaftarkan di bawah Akta Perkongsian 2012), jika terdapat sebarang perubahan dalam perkongsian (termasuk tetapi tidak terhad kepada kematian, perletakan jawatan, pengantian, penambahan, kebankrapan atau sebaliknya untuk seorang rakan kongsi), anda melaksanakan perubahan nama atau telah dibubarkan, kami boleh, jika tidak terdapat notis bertulis untuk sebaliknya, menganggap bahawa rakan kongsi yang masih ada atau yang baru sebagai mempunyai kuasa penuh untuk menjalankan urusan perkongsian dan untuk berurusan dengan Akaun dan/atau Amahan Saham seolah-olah tidak terdapat sebarang perubahan dalam perlombagaan perkongsian.
- 6.4 Anda akan memaklumkan kami dengan segera secara bertulis mengenai sebarang perubahan dalam perlombagaan atau nama firma / perkongsian / pemilikan tunggal.
- 6.5 Jika anda merupakan perkongsian (yang didaftarkan di bawah Akta Perkongsian 1961), pada kematian mana-mana rakan kongsi, kami boleh memutuskan bahawa hak untuk Akaun dan/atau Amanah Saham akan berpindah kepada rakan kongsi yang masih hidup dan pemindahan sedemikian adalah tertakluk kepada sebarang hak yang kami mungkin miliki yang timbul daripada sebarang lien, caj, cagaran, tolak selesai atau apa-apa tuntutan atau tuntutan balas lain, sama ada sebenar atau luar jangka. Kami juga boleh menggantung Akaun dan Perkhidmatan Amanah Saham berikut kematian, kebankrapan atau ketidakwarasan mana-mana rakan kongsi.
- 6.6 Jika anda merupakan perkongsian (didaftarkan di bawah Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012), pada kematian mana-mana Penandatangan yang Dibenarkan, kami akan diberi kuasa untuk bertindak atas arahan daripada Penandatangan yang Dibenarkan yang masih hidup seolah-olah Penandatangan yang Dibenarkan yang meninggal dunia bukan seorang Penandatangan yang Dibenarkan untuk Akaun dan/atau Amanah Saham sehingga kami menerima sebarang pemberitahuan bertulis terlebih dahulu daripada anda mengenai sebarang perubahan atau pindaan kepada pengendalian Akaun dan/atau Amanah Saham.

## 7. Perwakilan dan Jaminan

Penerimaan permohonan anda untuk pembukaan Akaun dan penyediaan Perkhidmatan Amanah Saham bergantung kepada perwakilan dan jaminan anda, di mana semuanya perlu dipatuhi dalam segala aspek sepanjang tempoh penyediaan Akaun:-

- (a) anda mempunyai keupayaan penuh dan kuasa untuk membuka, mengekalkan dan mengendalikan Akaun dan Amanah Saham yang anda kini mempunyai atau mungkin akan mempunyai pada masa hadapan dengan kami dan untuk memberikan kami Arahan berhubung dengan Akaun dan Perkhidmatan serta untuk menerima dan bersetuju akan Terma dan Syarat ini;
- (b) tidak ada individu lain selain anda yang mempunyai kepentingan dalam Akaun dan/atau Amanah Saham;
- (c) anda belum melakukan sebarang lien, caj, cagaran, pemindahan, penyerahan hak atau sebaliknya membebankan wang dalam Akaun;
- (d) bahawa anda tidak melakukan apa-apa tindakan kebankrapan dan tiada prosiding kebankrapan telah dimulakan atau diancam terhadap anda;
- (e) bahawa tiada Peristiwa Kemungkirian telah berlaku atau sedang berlaku;
- (f) bahawa anda tidak mungkir di bawah sebarang perjanjian dan tiada litigasi, timbang tara atau prosiding pentadbiran sedang diambil atau akan diambil yang mungkin menjelaskan kemampuan anda secara material atau sebaliknya mengurangkan atau menjelaskan keupayaan anda untuk melaksanakan tanggungjawab anda di bawah Terma dan Syarat ini;
- (g) tiada pelanggaran sebarang peruntukan untuk mana-mana undang-undang, perintah mahkamah dan penghakiman telah dilakukan oleh anda;
- (h) bahawa semua dokumen, butiran dan perakuan yang diberikan oleh anda berhubung dengan permohonan anda untuk Akaun dan Perkhidmatan Amanah Saham adalah tepat dan betul dalam semua aspek;
- (i) bahawa anda tidak menyedari dan tidak sengaja menyembunyikan sebarang maklumat atau fakta yang boleh menyebabkan atau membawa kepada pembukaan Akaun dan / atau Amanah Saham, yang menyebabkan kami melanggar sebarang Undang-undang yang Digenakan;
- (j) bahawa anda tidak terlibat dalam sebarang aktiviti haram dan semua wang yang diberikan kepada kami tidak berasal dalam apa-apa cara sekalipun daripada aktiviti haram;
- (k) anda memahami bahawa maklumat dan penjelasan yang berhubung dengan terma dan syarat Amanah Saham dan / atau Dokumen Dana tidak akan dianggap sebagai nasihat pelaburan atau cadangan untuk melanggan Amanah Saham tersebut;
- (l) bahawa anda menerima bahawa Amanah Saham adalah tertakluk kepada risiko pelaburan, termasuk kemungkinan kerugian jumlah prinsipal yang dilaburkan dan anda menyedari sepenuhnya akan risiko yang terlibat dalam pelaburan Amanah Saham, dan akan mendapatkan versi terkini Dokumen Dana yang tersedia pada tarikh sebarang transaksi daripada kami atau Dana; dan
- (m) bahawa anda bukan seorang Rakyat AS.

## 8. Perwakilan Dan Jaminan Jenayah Kewangan

- 8.1 Kami berhak untuk mengambil semua tindakan yang kami anggap sesuai bagi memenuhi sebarang kewajipan atau syarat, sama ada di Malaysia atau di tempat lain, berhubung dengan pengesanan, penyiasatan dan pencegahan jenayah kewangan termasuk penipuan, pengubahan wang haram, pembiayaan keganasan, rasuah,

sogokan, atau pengelakan cukai atau penguatkuasaan apa-apa sekatan ekonomi atau perdagangan ("Jenayah Kewangan").

- 8.2 Anda memahami dan bersetuju bahawa jika apa-apa aktiviti, kelakuan atau keadaan yang melibatkan anda (secara langsung atau tidak langsung) boleh mendedahkan kami kepada risiko undang-undang atau reputasi, atau tindakan pengawalseliaan atau penguatkuasaan yang sebenar atau berpotensi, kami akan pada bila-bila masa, tanpa memberikan apa-apa sebab, berhak untuk melakukan yang berikut dengan serta-merta:-
- (a) melaksanakan semua hak kami seperti yang dinyatakan dalam Klausus 18;
  - (b) menutup semua akaun dan menamatkan semua perkhidmatan yang anda ada dengan kami; dan
  - (c) membuat laporan dan mengambil tindakan lain yang kami mungkin anggap sesuai.
- 8.3 Anda berjanji bahawa anda tidak akan memulakan, melibatkan diri atau menjalankan transaksi (secara langsung atau tidak langsung) yang mungkin melibatkan Jenayah Kewangan dan bersetuju untuk tidak menyalahkan kami, melindungi kami dan kekal melindungi kami daripada dan terhadap sebarang dan semua liabiliti, tuntutan, tanggungjawab, kerugian, ganti rugi, denda, tindakan, penghakiman, saman, kos (termasuk, tetapi tidak terhad kepada kos undang-undang atas dasar indemniti penuh), perbelanjaan dan pembayaran dalam apa-apa bentuk sekalipun yang mungkin dialami atau ditanggung oleh kami yang berhubung dengan atau timbul daripada sebarang pelanggaran perjanjian ini oleh anda.
- 8.4 Anda mewakili dan menjamin bahawa anda tidak terlibat dalam sebarang aktiviti atau kelakuan atau tidak mengambil apa-apa tindakan, secara langsung atau tidak langsung, yang akan melanggar sebarang undang-undang antirasuah dan antipenyelwangan yang digunakan, termasuk tetapi tidak terhad kepada, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 ("SPRM"), United Kingdom Bribery Act 2010 ("UK Bribery Act") dan U.S. Foreign Corrupt Practices Act of 1977 ("FCPA"). Anda selanjutnya mewakili dan menjamin bahawa anda, sepanjang pengetahuan anda, akan mematuhi SPRM, UK Bribery Act, FCPA serta undang-undang, peraturan atau pengawalan yang sama.

## 9. Maklumat Mengenai Dana

- 9.1 Apabila anda meminta untuk melanggan mana-mana Amanah Saham, kami akan memberi anda edisi terbitan terbaru Dokumen Dana berhubung dengan Amanah Saham yang tersedia kepada kami.
- 9.2 Berikutan itu, jika Dokumen Dana tambahan berhubung dengan Amanah Saham dikeluarkan, kami boleh, atas permintaan anda, menyediakan Dokumen Dana sedemikian untuk penelitian atau kutipan di mana-mana cawangan yang ditetapkan oleh kami.
- 9.3 Dokumen Dana mungkin termasuk:-
- (i) bahan yang dikeluarkan dan disediakan kepada kami oleh Dana yang berkenaan; dan / atau
  - (ii) maklumat statistik mengenai prestasi masa lampau Amanah Saham yang berkenaan.
- 9.4 Anda mengakui dan bersetuju bahawa pelaburan anda dalam Dana dilakukan hanya pada dasar maklumat yang terkandung di dalam Dokumen Dana berkenaan. Semua maklumat atau perwakilan lain mesti dianggap sebagai tidak sah dan tidak boleh

dirujuk. Penyediaan Perkhidmatan Amanah Saham kami berhubung dengan Dana tidak boleh dianggap sebagai cadangan kami untuk Dana sedemikian dan kami tidak bertanggungjawab terhadap Dana atau prestasinya.

- 9.5 Anda seterusnya mengakui dan bersetuju bahawa kami tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan oleh anda untuk:-
- (i) apa-apa Kerugian yang anda mungkin alami atau tanggung berhubung dengan sebarang transaksi yang dimasuki atau langkah-langkah yang diambil atau gagal diambil oleh anda dengan pergantungan pada Dokumen Dana; dan
  - (ii) apa-apa kesilapan, salah nyata atau ketinggalan dalam mana-mana Dokumen Dana yang disediakan oleh pihak ketiga atau bergantung kepada maklumat yang diberikan oleh pihak ketiga.
- 9.6 Anda bersetuju bahawa semua Amanah Saham boleh dikeluarkan, diedarkan, ditebus, ditukar, dipindah dan dibatalkan (jika berkenaan) menurut peruntukan surat ikatan amanah yang mengawal Dana yang berkaitan (termasuk apa-apa surat ikatan tambahan yang dikeluarkan oleh Dana) ("Surat Ikatan Amanah") dan berjanji untuk diikat oleh Surat Ikatan Amanah.

## 10. Langganan, Pegangan, Penukaran, Pemindahan dan Penebusan Amanah Saham

- 10.1 Untuk menghantar permintaan untuk langganan, penukaran, penebusan, pemindahan atau pembatalan Amanah Saham menggunakan Perkhidmatan Amanah Saham, anda mesti mengarah kami dengan melengkap dan mengemukakan Borang Tindakan Pelaburan Amanah Saham dan / atau apa-apa borang lain sedemikian seperti yang ditentukan pada budi bicara kami dari semasa ke semasa, dengan menyatakan bilangan dan jenis Pelaburan.
- 10.2 Anda mesti memberi pertimbangan yang teliti untuk setiap pelaburan dalam Amanah Saham. Anda perlu membuat keputusan bebas untuk melanggan Amanah Saham, dan mendapat nasihat daripada penasihat profesional anda sama ada Amanah Saham adalah sesuai atau wajar untuk anda. Anda tidak boleh bergantung pada komunikasi daripada kami sebagai nasihat pelaburan atau sebagai cadangan untuk melakukan transaksi. Anda bersetuju dan menerima bahawa kami tidak mempunyai kewajipan fidusiari atau apa-apa kewajipan atau penjagaan dan kemahiran lain kepada anda dan memahami bahawa maklumat serta penjelasan yang berkaitan dengan terma dan syarat Pelaburan dan / atau kandungan dalam Dokumen Dana tidak akan dianggap sebagai nasihat pelaburan atau cadangan untuk melanggan Amanah Saham.
- 10.3 Kami mungkin, berdasarkan penilaian kami, memilih untuk tidak menerima permohonan anda berhubung dengan langganan mana-mana Amanah Saham Pelaburan daripada anda atau tidak bertindak atas sebarang Arahan anda.
- 10.4 Kami bertindak bagi pihak anda dalam menempatkan Pesanan Belian atau menghantar permintaan bagi langganan, penukaran, penebusan, pemindahan atau pembatalan Amanah Saham dengan Dana pada penerimaan Borang Tindakan Pelaburan Amanah Saham yang lengkap dan / atau apa-apa borang lain sedemikian yang mungkin ditetapkan pada budi bicara kami dari semasa ke semasa dan bayaran daripada anda untuk penjelasan dana, atau bertindak atas apa-apa arahan anda yang lain berhubung dengan Amanah Saham.
- 10.5 Pesanan Belian yang kami serahkan untuk anda mengikut Arahan anda akan dilakukan atas nama kami atau nama Penjaga. Sebarang nota kontrak, transaksi atau penyata pengesahan yang dikeluarkan oleh Dana berhubung dengan Amanah Saham akan dihantar terus kepada kami atau Penjaga, dan apa-apa Amanah Saham yang diperuntukkan oleh Dana menurut Pesanan Belian akan dipegang oleh kami atau

Penjaga untuk anda dan bagi pihak anda, dan jika perlu, didaftarkan atas nama kami atau nama Penjaga, bagi pihak anda.

- 10.6 Anda mengakui dan bersetuju bahawa: -
- (a) apa-apa Dana yang menerima Pesanan Belian dari kami atau Penjaga tidak diwajibkan untuk menerima Pesanan Belian tersebut secara keseluruhan atau sebagaiannya;
  - (b) kami dan Penjaga tidak bertanggungjawab untuk memastikan bahawa apa-apa Dana akan mengumpulkan Pelaburan, dan tidak akan bertanggungjawab ke atas Kerugian, termasuk apa-apa kehilangan peluang pelaburan yang anda mungkin alami kerana sesuatu Dana telah menolak atau menangguh penerimaan Pesanan Belian; dan
  - (c) bahawa tanggungjawab kami atau Penjaga adalah semata-mata untuk menjalankan Arahan yang diberikan oleh anda kepada kami tertakluk kepada Terma dan Syarat ini.
- 10.7 Permohonan anda untuk langganan, penukaran, penebusan, pemindahan atau pembatalan Amanah Saham mungkin akan diagregatkan dan digabungkan dengan permohonan lain sama ada secara harian atau dari semasa ke semasa seperti mana yang kami putuskan dan dihantar oleh kami kepada Dana berkenaan. Jika kami menempatkan Arahan Belian yang diagregatkan / digabungkan untuk Amanah Saham atau arahan diagregatkan / digabungkan untuk penukaran Pelaburan dengan Dana berkenaan, Dana akan menerbitkan Amanah Saham yang berkenaan kepada kami atau Penjaga dan Amanah Saham sedemikian yang diterbitkan akan dibahagikan atau diperuntukkan di kalangan pemohon yang berkaitan (termasuk anda) mengikut cara yang diputuskan oleh kami kami. Jika peruntukan atau pengagihan atau tindakan sedemikian oleh kami menyebabkan kekurangan dan / atau Kerugian kepada anda, anda bersetuju dan menerima risiko tersebut dan tidak mempertanggungjawabkan kami terhadap sebarang Kerugian akibat daripada peruntukan atau pengedaran tersebut.
- 10.8 Kami tidak perlu berbuat apa-apa di luar waktu perniagaan lazim perbankan Malaysia. Jika kami:-
- (a) menerima Arahan daripada anda sekurang-kurangnya dua jam sebelum had batasan masa Dana untuk menerima Pesanan Belian atau permohonan untuk penukaran atau penebusan, kami akan menggunakan segala usaha munasabah untuk faks atau menyampaikan Pesanan Belian atau permohonan kepada Dana supaya ia ditempatkan pada Hari Berurus yang sama;
  - (b) menerima arahan daripada anda lewat daripada masa yang dinyatakan dalam Klausus 10.8 (a) di atas, kami akan menggunakan segala usaha munasabah untuk faks atau menyampaikan Pesanan Belian atau permohonan untuk penukaran atau penebusan kepada Dana supaya ia ditempatkan pada Hari Berurus yang berikutnya dan transaksi sedemikian akan mengikat anda.
- Bagi tujuan klausus ini, kami akan menyediakan maklumat jika diminta oleh anda mengenai Hari Berurus Dana serta tempoh akhir untuk menerima Pesanan Belian dan permohonan lain seperti yang dirujuk di atas.
- 10.9 Semua Arahan yang diberikan oleh anda berhubung dengan Perkhidmatan Amanah Saham adalah muktamad dan akan mengikat anda, kecuali jika kami memberikan anda tempoh bertenang. Jika tempoh bertenang disediakan, pembatalan Arahan mesti diterima oleh kami sebelum had batasan masa di Hari Berurus terakhir tempoh bertenang.

- 10.10 Anda hanya akan diberikan tempoh bertenang jika anda melabur buat kali pertama dalam mana-mana Amanah Saham menggunakan Perkhidmatan Amanah Saham dan tempoh bertenang tersebut hanya disediakan sekali sahaja untuk anda. Bagi mengelakkan keraguan, tempoh bertenang tidak boleh digunakan untuk apa-apa langganan Amanah Saham berikutnya yang dilakukan oleh anda. Tempoh bertenang adalah selama enam (6) Hari Perniagaan dari tarikh kami menerima Borang Tindakan Pelaburan Amanah Saham daripada anda.
- 10.11 Kami tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kelewatan dalam melaksanakan permintaan berhubung dengan Amanah Saham yang disebabkan oleh kerosakan atau kegagalan infrastruktur penghantaran atau komunikasi, atau untuk apa-apa sebab lain di luar kawalan kami.
- 10.12 Anda hanya berhak kepada sebarang Amanah Saham selepas pengeluaran satu pengesahan pesanan atau Penyata oleh kami atau Penjaga kami kepada anda untuk mengesahkan langganan Amanah Saham tersebut.
- 10.13 Anda akan mengarahkan kami, dalam borang Arahan Pembayaran Tetap atau apa-apa borang yang kami mungkin tetapkan, Akaun Penyelesaian di mana kami akan mengkredit, atau mendapatkan Penjaga untuk mengkredit semua bayaran yang perlu dibayar oleh kami kepada anda di bawah Terma dan Syarat ini, termasuk tetapi tidak terhad kepada bayaran yang dijangka kepada anda berhubung dengan prosid, pendapatan atau bayaran tunai lain yang diterima oleh kami bagi pihak anda untuk langganan, penukaran, penebusan, pemindahan atau pembatalan Amanah Saham.
- 10.14 Bagi mengelakkan keraguan, semua bayaran tunai yang akan dilakukan oleh kami kepada anda di bawah Terma dan Syarat ini, kecuali diperuntukkan sebaliknya di bawah Terma dan Syarat ini, adalah bersih daripada semua fi (termasuk sebarang fi GIRO Antara Bank ("IBG") jika Akaun Penyelesaian tidak dikekalkan dengan kami), caj, kos dan perbelanjaan yang dikenakan atau ditanggung oleh kami berhubung dengan Amanah Saham yang dilakukan dengan menggunakan Perkhidmatan Amanah Saham kami. Kami dan Penjaga tidak akan bertanggungjawab untuk mengesahkan kecukupan sebarang wang berhubung dengan mana-mana Pelaburan anda yang diterima oleh kami bagi pihak anda.
- 10.15 Melainkan anda menyediakan kami dengan arahan khusus untuk tidak melabur semula apa-apa dividen yang diisyiharkan oleh mana-mana Dana yang berkaitan, dividen sedemikian akan, dengan syarat ia dibenarkan oleh terma Dana, dilaburkan semula pada nilai Amanah Saham yang telah ditentukan terlebih dahulu yang ditetapkan oleh Dana atau nilai aset bersih Amanah Saham pada hari dividen dibayar secara rasmi, yang mana sesuai.
- 10.16 Jika anda mengarahkan kami untuk menukar Amanah Saham anda, kami hanya akan melanggan Amanah Saham yang diperlukan oleh anda selepas pengesahan dan penyelesaian penebusan Amanah Saham sedia ada berkaitan yang sedang ditukar.
- 10.17 Pemindahan sebarang Amanah Saham adalah tertakluk kepada kelulusan kami terlebih dahulu dan apa-apa terma yang kami mungkin tentukan, termasuk Terma dan Syarat ini dan terma yang dinyatakan dalam borang pemindahan dan pelepasan penuh daripada semua liabiliti anda di bawah Terma dan Syarat ini, termasuk apa-apa fi dan perbelanjaan tertunggak.
- 10.18 Jika, pada bila-bila masa dan untuk apa-apa sebab, mana-mana Dana memberi arahan kepada kami atau Penjaga, sebagai pemegang berdaftar mana-mana Amanah Saham, untuk melepaskan, memindahkan atau sebaliknya menebus mana-mana Amanah Saham mengikut terma dan syarat yang mentadbir pengendalian apa-apa Amanah Saham, kami akan mendapatkan arahan anda dengan serta-merta mengenai cara bagaimana anda ingin meneruskannya. Jika kami tidak menerima arahan anda dalam masa yang dinyatakan untuk penerimaan arahan anda dan / atau anda gagal bersetuju

dengan cara tindakan yang memuaskan untuk Dana berkaitan dalam apa-apa tempoh masa yang dinyatakan untuk tujuan ini, kami akan menebus, atau mendapatkan Penjaga untuk menebus Amanah Saham Amanah Saham yang berkaitan dan membayar prosid kepada anda dengan cara yang berikut:-

- (a) Jika prosid adalah dalam bentuk wang, prosid tersebut akan dibayar kepada anda mengikut Klausa 10.13;
  - (b) Jika prosid adalah dalam bentuk Amanah Saham dalam Dana lain, Amanah Saham tersebut akan dikreditkan ke dalam Akaun.
- 10.19 Kami tidak perlu menyediakan apa-apa Perkhidmatan Amanah Saham yang dinyatakan di dalam Terma dan Syarat ini untuk sebarang Pelaburan yang tidak didaftarkan di bawah kami, Penjaga, atau Sub-Penjaga. Jika kami bersetuju untuk membantu anda berhubung dengan mana-mana Amanah Saham yang tidak dilanggani melalui kami, anda berjanji untuk tidak mempertanggungjawabkan kami untuk sebarang Kerugian yang mungkin timbul akibat daripada bantuan sedemikian.
- 10.20 Harga terbitan dan harga penebusan ditentukan oleh Dana mengikut prospektus yang ditetapkan pada Hari Berurusan. Sebarang harga atau nilai yang diberi oleh kami berhubung dengan apa-apa Amanah Saham adalah indikatif sahaja dan bukan muktamad dan terikat kecuali kami mengesahkannya secara bertulis.
- 10.21 Meskipun dengan apa-apa yang terkandung di dalam Terma dan Syarat ini, kami berhak untuk menjual, mencairkan atau menebus Amanah Saham anda pada bila-bila masa pada harga sedemikian dan terma sedemikian yang kami anggap sesuai, jika anda gagal mematuhi sebarang undang-undang dan peraturan yang terpakai, termasuk tetapi tidak terhad kepada Peraturan Pentadbiran Pertukaran Asing Bank Negara Malaysia.

## 11. Pelan Pelaburan Bulanan

- 11.1 Anda boleh memohon untuk mewujudkan satu pelan pelaburan bulanan (*monthly investment plan* atau "MIP") berhubung dengan mana-mana Dana yang menawarkan pelan sedemikian untuk pelaburan, langganan atau pegangan Amanah Saham bagi Dana berkenaan pada dasar bulanan dengan melengkapkan dan mengemukakan borang Tindakan Pelaburan Amanah Saham kepada kami.
- 11.2 Dengan memohon MIP, anda bersetuju kepada terma dan syarat MIP yang ditetapkan dalam dokumen Dana berkaitan, Borang Tindakan Pelaburan Amanah Saham termasuk jumlah pelaburan permulaan minimum dan jumlah pelaburan minimum yang berikutnya seperti yang diperlukan oleh Dana.
- 11.3 Pembayaran untuk pelaburan, langganan atau pegangan Amanah Saham di bawah MIP akan dilakukan melalui arahan tetap untuk mendebitkan akaun simpanan atau akaun semasa yang ditetapkan oleh anda dalam borang Tindakan Pelaburan Amanah Saham pada hari yang tertentu setiap bulan sebagaimana yang ditentukan oleh Dana atau oleh kami dan yang dinyatakan dalam borang Tindakan Pelaburan Amanah Saham ("Tarikh Arahan"). Unit yang dilanggani adalah berdasarkan harga penutup produk pelaburan amanah saham pada hari kerja berikutnya selepas tarikh debit jumlah pembayaran berkala daripada akaun semasa atau simpanan anda ("CASA yang Ditetapkan").
- 11.4 Sekiranya Tarikh Arahan bukanlah pada Hari Perniagaan, bayaran akan didebitkan daripada akaun simpanan atau semasa anda pada Hari Perniagaan yang berikutnya manakala tarikh Pesanan Belian untuk pelaburan, langganan dan pegangan Amanah Saham bagi Dana yang berkaitan akan dilaksanakan pada Hari Perniagaan yang berikutnya selepas pembayaran didebitkan.

- 11.5 Kami tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan untuk apa-apa Kerugian yang anda alami akibat daripada sebarang kelewatan atau kegagalan untuk menyerahkan Pesanan Belian bagi apa-apa Pelaburan di bawah MIP akibat kerosakan atau kegagalan penghantaran atau infrastruktur komunikasi, atau untuk apa-apa sebab lain di luar kawalan kami.
- 11.6 Kami berhak untuk membatal atau menamatkan pengaturan MIP dengan anda pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa sebelum Tarikh Arahan yang berikut pada budi bicara kami melalui pemberian notis kepada anda.
- 11.7 Anda mesti memberikan notis bertulis sekurang-kurangnya empat puluh lapan (48) hari kepada kami untuk menamatkan apa-apa arahan untuk melanggan Amanah Saham bagi pihak anda di bawah sebarang MIP.
- 11.8 Anda tidak akan berhak untuk menerima sebarang promosi atau insentif yang diumumkan oleh kami atau Dana di sepanjang tempoh MIP, melainkan kami atau Dana memutuskan untuk menawarkannya kepada anda. Anda hanya berhak untuk menerima sebarang promosi atau insentif yang digunakan pada masa anda memohon kepada kami untuk mewujudkan MIP berhubung dengan Dana sedemikian menurut Klausus 11.1 di atas.

## **12. Pembelian Dan Penebusan Pelaburan Melalui Skim Pelaburan Ahli KWSP (“MIS”)**

- 12.1 Kami bertindak sebagai agen anda untuk dan bagi pihak anda dalam menempatkan Pesanan Belian atau menghantar permintaan untuk pegangan, langganan, penukaran, penebusan, pemindahan atau pembatalan Amanah Saham di bawah MIS pada penerimaan Borang Tindakan Pelaburan Amanah Saham yang lengkap dan apa-apa borang yang diperlukan oleh Dana yang berkaitan dan KWSP.
- 12.2 Anda mengakui dan bersetuju bahawa kami tidak mempunyai tanggungjawab atau kewajipan terhadap anda berhubung dengan apa-apa urusan yang dilakukan oleh anda dalam Amanah Saham di bawah Skim Pelaburan KWSP dan kami hanya bertanggungjawab untuk menyampaikan borang yang diperlukan oleh Dana yang berkenaan dan KWSP kepada mereka bagi pihak anda. Kelulusan dan syarat bagi langganan atau penebusan apa-apa Amanah Saham melalui Skim KWSP adalah tertakluk kepada Peraturan, dan apa-apa syarat yang dikenakan oleh Dana dan KWSP.
- 12.3 Kami tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang Kerugian yang anda alami akibat daripada apa-apa kelewatan atau kegagalan untuk menyerahkan borang yang diperlukan oleh Dana berkenaan dan KWSP kepada mereka akibat kerosakan atau kegagalan dalam infrastruktur penghantaran atau komunikasi, atau untuk apa-apa sebab lain di luar kawalan kami.
- 12.4 Tertakluk kepada peruntukan dalam Klausus 12, peruntukan dalam Klausus 10 di atas akan, setakat mana ia bersesuaian dengan Amanah Saham di bawah Skim Pelaburan KWSP, digunakan untuk sebarang permohonan untuk langganan, penukaran, penebusan, pemindahan atau pembatalan Amanah Saham oleh anda di bawah Skim Pelaburan KWSP yang dilakukan melalui kami dengan menggunakan Perkhidmatan Amanah Saham kami.

## **13. Penerimaan Dan Pembayaran Wang**

- 13.1 Anda mesti sentiasa mengekalkan dana yang mencukupi di dalam Akaun atau Akaun Pembayaran MIP (untuk pelaburan yang dilanggan di bawah MIP), untuk semua bayaran termasuk wang langganan, cukai, duti, levi, fi, pembayaran, caj, kos dan / atau

perbelanjaan yang perlu dibayar oleh anda berhubung dengan langganan, pegangan, penebusan, penukaran atau penebusan Amanah Saham bagi pihak anda, pendaftaran Amanah Saham dalam nama atau nama Penjaga dan perkhidmatan yang disediakan di bawah Terma dan Syarat ini (secara kolektif dikenali sebagai "Pembayaran").

- 13.2 Untuk Pembayaran yang didebitkan atau yang perlu didebitkan, jika kami memutuskan bahawa terdapat dana yang tidak mencukupi dalam Akaun atau Akaun Pembayaran MIP (untuk pelaburan yang dilanggan di bawah MIP), kami boleh: -
- (i) menolak untuk melakukan Pesanan Belian untuk anda atau melaksanakan arahan anda berhubung dengan Amanah Saham;
  - (ii) berhubung dengan MIP, membatalkan atau menamatkan penyertaan anda dalam MIP;
  - (iii) pada budi bicara tunggal kami dan tanpa sebarang kewajipan di pihak kami untuk berbuat demikian, memindahkan dana untuk memenuhi Pembayaran daripada mana-mana akaun anda dengan kami tanpa memerlukan pengesahan anda; atau
  - (iv) pada budi bicara tunggal kami, memberi kredit kepada anda bagi jumlah yang berkaitan ("Pendahuluan"), di mana yang berikut akan digunakan:-
    - (a) Anda mesti membayar faedah untuk Pendahuluan tersebut pada kadar yang kami tetapkan;
    - (b) Jika kami meminta, anda mesti membayar balik Pendahuluan dengan serta-merta serta sebarang faedah, dan kami boleh mengenakan faedah mungkir pada kadar kami dari tarikh permintaan ini ke atas jumlah yang terhutang sehingga anda membayar balik;
    - (c) Kami juga boleh menyelesaikan Pendahuluan dan faedah yang dikenakan ke atas Pendahuluan terhadap baki kredit dalam mana-mana akaun anda dengan kami tanpa memerlukan pengesahan anda selepas memberi anda notis tujuh (7) hari;
    - (d) Kami boleh, atau akan mendapatkan Penjaga untuk menebus, menjual atau mencairkan (atas apa-apa terma dan syarat sedemikian yang kami anggap munasabah) mana-mana Amanah Saham yang dipegang oleh kami atau Penjaga pada masa dan harga sedemikian yang kami tentukan pada budi bicara mutlak kami, menyelesaikan Pendahuluan dan faedah yang dikenakan pada Pendahuluan terhadap prosid dan baki kredit prosid (jika ada) ke dalam Akaun Penyelesaian.
  - (v) mengambil apa-apa tindakan yang kami anggap perlu untuk mengekalkan hak dan kepentingan kami di bawah Terma dan Syarat ini, dengan syarat bahawa kami boleh menolak untuk bertindak untuk anda sehingga kami menerima pembayaran penuh bagi apa-apa arahan yang kami telah diarahkan untuk dilaksanakan, dan kami berhak untuk mendapat balik apa-apa Kerugian yang ditanggung oleh kami akibat kekurangan wang, pembayaran tidak sah atau kelewatan atau kemungkiran pembayaran.
- 13.3 Anda bersetuju dengan muktamad bahawa kami boleh, pada budi bicara kami, memperuntukkan Pembayaran yang diperlukan bagi melaksanakan Arahan anda pada penerimaan arahan anda berhubung dengan perkhidmatan di bawah Terma dan Syarat ini dan anda tidak dapat menggunakan jumlah yang diperuntukkan sehingga Pembayaran telah didebitkan daripada Akaun atau ia disahkan pada kepuasan kami bahawa anda telah menarik balik arahan anda.

- 13.4 Kami akan melakukan bayaran dari Akaun atau Akaun Pembayaran MIP (untuk pelaburan yang dilanggan di bawah MIP), tanpa arahan lanjut daripada anda, dan anda dengan ini membenarkan kami untuk melakukan pembayaran sedemikian:-
- (i) untuk melanggan Amanah Saham untuk anda, dan membayar untuk pendaftaran Amanah Saham tersebut dalam nama kami atau nama Penjaga;
  - (ii) untuk membayar cukai, duti, levi, fi, pembayaran, caj dan / atau perbelanjaan bagi langganan, pegangan, penukaran atau penebusan Amanah Saham, yang perlu dibayar oleh anda di bawah Terma dan Syarat ini kepada kami, Penjaga atau mana-mana pihak lain.

Kami boleh melakukan pembayaran lain daripada Akaun atau Akaun Pembayaran MIP, jika anda mengarahkannya.

#### 14. Penjagaan Amanah Saham

- 14.1 Kami berhak melakukan sebarang pengaturan yang kami mungkin anggap sesuai pada budi bicara mutlak kami bagi pegangan Amanah Saham anda dalam penjagaan selamat, termasuk melantik seorang Penjaga. Jika kami telah mengambil usaha dan kemahiran yang munasabah dalam pemilihan Penjaga, kami tidak akan bertanggungjawab untuk apa-apa tindakan atau peninggalan oleh Penjaga berhubung dengan Amanah Saham dalam jagaan. Jika Amanah Saham anda didaftar di bawah nama Penjaga, kami akan mengarahkan Penjaga untuk merakam dan memegang dalam akaun yang berasingan untuk semua Amanah Saham yang diterima dan dipegang olehnya dari semasa ke semasa untuk anda atas apa-apa terma sedemikian dan mengikut cara yang kami boleh tentukan pada budi bicara mutlak kami, dan di atas akan didedahkan kepada anda pada permintaan anda.
- 14.2 Anda bersetuju bahawa kami dan Penjaga berhak untuk melantik mana-mana bank, syarikat amanah saudagar, syarikat pengurusan aset, syarikat penama, depositori atau ahli firma mana-mana bursa sekuriti untuk bertindak sebagai sub-penjaga untuk mana-mana Amanah Saham yang dipegang oleh kami dan / atau Penjaga di bawah Terma dan Syarat ini dan / atau pentadbir untuk membantu dalam pelaksanaan tugas kewajipan kami menurut Terma dan Syarat ini ("Sub-Penjaga"), pada terma sedemikian yang kami boleh, pada budi bicara mutlak kami anggap sesuai. Jika kami dan / atau Penjaga telah menjalankan usaha dan kemahiran munasabah dalam pemilihan Sub-Penjaga, kami dan Penjaga tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan untuk apa-apa perbuatan atau peninggalan oleh Sub-Penjaga berhubung dengan Amanah Saham dalam jagaannya.
- 14.3 Anda, sebagai Pemilik Benefisial Muktamad ("UBO"), sedang melabur dalam Skim Amanah Saham (UTS) di bawah sistem penama di mana anda tidak diiktiraf oleh Syarikat Pengurusan Unit Amanah (UTMC) sebagai pemegang unit berdaftar di bawah surat ikatan antara UTMC dan kami. Oleh yang demikian, anda tidak mempunyai semua hak yang lazimnya boleh dilaksanakan oleh pemegang unit, termasuk yang berikut:-
- a) Hak untuk merakamkan butiran anda dalam daftar pemegang unit SUA; dan
  - b) Hak untuk memanggil, menghadiri dan mengundi dalam mana-mana mesyuarat pemegang unit.
- 14.4 Kami dan Penjaga tidak akan melaksanakan sebarang hak mengundi berhubung dengan Amanah Saham yang dipegang untuk anda, kecuali mengikut arahan anda. Kami akan, jika diarahkan oleh anda, menggunakan usaha yang munasabah untuk menyampaikan kepada anda semua notis, proksi atau bahan-bahan mencari proksi

berhubung dengan Amanah Saham yang dipegang menurut Terma dan Syarat ini. Anda mengakui bahawa kami akan:-

- a) mengundi mengikut undian yang ditunjukkan oleh majoriti pelanggan kami (termasuk anda), yang telah membuang undi mereka, dan bukan dengan majoriti mengikut bilangan unit yang dipegang oleh pelanggan tersebut;
  - b) dalam kes tinjauan pendapat, berikan hanya bilangan undi yang menyokong atau menentang resolusi tertentu seperti yang diwakili oleh perbezaan jumlah undi yang menyokong dan menentang resolusi tersebut seperti yang telah ditunjukkan kepada kami oleh pelanggan kami (termasuk anda); (pada tinjauan pendapat, setiap unit yang dipegang dikira sebagai satu undi; jika, sebagai contoh, kami menerima tanda-tanda 1,000 undian menyokong dan 300 undian menentang, kami akan memberikan 700 undian untuk mesyuarat itu); dan
  - c) mengelak daripada mengundi jika terdapat bilangan undi yang sama rata untuk dan menentang mana-mana resolusi tertentu.
- 14.5 Kami, Penjaga atau Sub-Penjaga akan melaksanakan dokumen, sijil dan afidavit yang anda minta secara munasabah untuk tujuan fiskal atau cukai berkaitan dengan Amanah Saham, dan akan melakukan permohonan dan / atau laporan yang diperlukan oleh undang-undang untuk mendapatkan keistimewaan cukai yang anda mungkin layak terima berhubung dengan Amanah Saham, selagi anda melindungi kami dengan cara yang memuaskan untuk kos dan liabiliti dan menyediakan kami dengan apa-apa bukti yang kami minta.

#### **15. Fi, Caj, Kos dan Perbelanjaan**

- 15.1 Anda perlu membayar kepada kami fi dan caj bagi penggunaan Akaun dan perkhidmatan Amanah Saham yang disediakan oleh kami atau Penjaga di bawah Terma dan Syarat ini. Kadar semasa untuk fi dan caj akan disediakan kepada anda di cawangan kami, di laman web rasmi di [www.uob.com.my](http://www.uob.com.my) atau atas permintaan anda.
- 15.2 Anda bertanggungjawab untuk membayar sebarang cukai atau levi yang, pada tarikh pembukaan Akaun atau pada mana-mana tarikh selepas tarikh pembukaan Akaun, diperlukan oleh undang-undang, peraturan, garis panduan, keputusan atau arahan sedemikian (dan akan termasuk apa-apa pindaan yang dilakukan ke atas undang-undang, peraturan, garis panduan, keputusan atau arahan sedemikian) untuk dibayar kepada mana-mana pertubuhan atau pihak berkuasa yang mempunyai bidang kuasa ke atas kami, yang berkaitan dengan sebarang fi dan caj yang dikenakan atau ditanggung oleh kami berhubung dengan Akaun atau mana-mana Amanah Saham.
- 15.3 Sebarang cukai atau levi yang ditanggung oleh kami berhubung dengan penggunaan Akaun dan apa-apa barang atau perkhidmatan lain yang disediakan di bawah Akaun akan ditanggung dan dikenakan kepada anda dan jika kami melakukan pembayaran bagi pihak anda, anda akan bertanggungjawab untuk membayar balik kepada kami jumlah sedemikian yang telah dibayar.
- 15.4 Kami mungkin mengenakan apa-apa fi atau caj perkhidmatan baru yang lain atau menambah atau mengurangkan jumlah fi dan caj, selepas memberi anda dua puluh satu (21) hari notis terlebih dahulu.
- 15.5 Jika perkhidmatan Amanah Saham di bawah Terma dan Syarat ini ditamatkan, kami akan layak untuk menerima jumlah berkadar untuk fi kami yang dikira pada dasar harian sehingga dan termasuk tarikh penamatkan, dan pembayaran balik sepenuhnya untuk semua kos dan perbelanjaan tunai langsung yang ditanggung sehingga dan termasuk tarikh penamatkan, termasuk sebarang cukai, duti, levi atau fi yang ditanggung semasa pemindahan Amanah Saham menurut Klausa 18.5(a).

- 15.6 Semua Pembayaran, termasuk semua kos dan fi yang dikenakan oleh Dana, cukai, duti dan / atau levi berkaitan bagi langganan, pegangan, penukaran, pemindahan atau penebusan Amanah Saham, kos guaman, caj dan perbelanjaan yang ditanggung oleh kami berhubung dengan perkhidmatan Amanah Saham di bawah Terma dan Syarat ini, penguatkuasaan atau cubaan untuk mengekal dan menguatkuasakan hak kami di bawah Terma dan Syarat ini dan sebarang pengenaan cukai di bawah undang-undang pencukaian atau peraturan mana-mana negara yang mempunyai bidang kuasa ke atas kami, akan dibayar oleh anda apabila diminta pada dasar indemniti penuh, bersama dengan faedah daripada tarikh permintaan sehingga tarikh pembayaran penuh pada kadar sedemikian yang ditentukan oleh kami.
- 15.7 Kami mempunyai hak untuk mendebitkan Akaun atau Akaun Pembayaran MIP (untuk semua pelaburan yang dilanggar di bawah MIP), dengan semua Pembayaran yang ditanggung atau perlu dibayar oleh anda kepada kami berhubung dengan perkhidmatan Amanah Saham di bawah Terma dan Syarat ini.
- 15.8 Kami berhak untuk menggunakan sebarang bayaran yang diterima daripada anda untuk menyelesaikan semua Pembayaran dalam perkadaran dan keutamaan sedemikian yang kami anggap sesuai.
- 15.9 Anda mengakui bahawa kami akan lazimnya dibayar komisen oleh, atau menerima diskaun daripada Dana berhubung dengan penerbitan Amanah Saham kepada anda dan urusan lain berhubung dengan sebarang Dana dan anda bersetuju bahawa kami berhak untuk mengekalkan komisen atau prosid sedemikian berkenaan dengan diskaun.

## 16. Permintaan Maklumat

- 16.1 Anda mesti menyediakan dan mendedahkan kepada kami dalam tempoh yang kami tentukan, sebarang maklumat, kenyataan dan penjelasan yang kami anggap perlu berkenaan dengan Akaun dan Amanah Saham bagi:-
  - (a) mematuhi undang-undang atau sekatan di Malaysia atau di mana-mana negara lain (termasuk tetapi tidak terhad kepada yang berkaitan dengan pencegahan pengubahan wang haram atau pencegahan keganasan); dan / atau
  - (b) menguruskan risiko pengubahan wang haram atau risiko pembiayaan keganasan atau risiko sekatan ekonomi dan perdagangan.
- 16.2 Sementara menunggu penerimaan maklumat daripada anda dan sehingga kami telah mengesahkan maklumat tersebut pada kepuasan kami, kami tidak wajib untuk meneruskan sebarang transaksi atau arahan berhubung dengan Amanah Saham.
- 16.3 Anda mengakui dan berjanji kepada kami bahawa pemprosesan sebarang transaksi atau arahan berhubung dengan Amanah Saham tidak melanggar sebarang undang-undang atau sekatan di Malaysia atau di mana-mana negara lain. Kami tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang kerugian yang timbul daripada kelewatan atau kegagalan untuk memproses sebarang transaksi atau arahan berhubung dengan Amanah Saham yang disebabkan oleh maklumat atau dokumentasi yang tidak mencukupi daripada anda.

## 17. Penyataan dan Pengesahan

- 17.1 Kami mungkin menghantar Penyata Akaun atau makluman pengesahan kepada anda melalui pos biasa pada penghujung setiap bulan atau pada dasar berkala sedemikian yang kami anggap sesuai. Walau bagaimanapun, satu salinan fizikal masih boleh

dihantar kepada anda pada permintaan anda tertakluk kepada bayaran caj lazim kepada kami.

17.2 Anda bertanggungjawab untuk:-

- (a) memeriksa semua kemasukan dalam Penyata Akaun dan makluman pengesahan;
- (b) melaporkan kepada kami dengan serta-merta jika terdapat sebarang kesilapan atau peninggalan;
- (c) menandatangani dan mengembalikan sebarang slip pengesahan, termasuk apa-apa yang diperlukan bagi tujuan audit (jika diperlukan untuk berbuat demikian);
- (d) memaklumkan kami jika anda tidak menerima Penyata Akaun atau makluman pengesahan;
- (e) memantau semua transaksi, baki dan Amanah Saham anda pada setiap masa dan melaporkan kepada kami jika anda mendapati sebarang transaksi tidak dibenarkan telah berlaku.

17.3 Jika kami tidak menerima bantahan secara bertulis dari anda dalam tempoh lima belas (15) hari dari tarikh penyata atau makluman pengesahan sedemikian atau enam puluh (60) hari untuk pemindahan dana secara elektronik:-

- (a) anda akan dianggap secara muktamad:-
  - (i) telah menerima, dan akan terikat oleh kesahan, kebenaran dan ketepatan transaksi / kemasukan, Amanah Saham serta baki yang dinyatakan dalam penyata atau makluman tersebut; dan
  - (ii) telah menentukan sah dan mengesahkan setiap dan semua transaksi dan Amanah Saham yang diwakili oleh kemasukan yang dinyatakan dalam penyata atau makluman tersebut.
- (b) penyata, makluman atau kemasukan, sebagaimana kes yang mungkin berlaku, akan dianggap sebagai bukti muktamad bagi arahan anda dan kebenaran kepada kami untuk melaksanakan transaksi / kemasukan yang dinyatakan dalam penyata atau makluman; dan
- (c) anda tidak akan mempunyai tuntutan terhadap kami dalam apa-apa cara yang mungkin timbul akibat daripada, berhubung dengan atau disebabkan oleh sebarang transaksi / kemasukan yang dirujuk dalam penyata atau makluman tersebut.

17.4 Pembalikan: Kami berhak untuk menyesuaikan, membalikkan, membatalkan atau mendebitkan Akaun pada bila-bila masa jika:-

- (a) kami perlu membetulkan sebarang kesilapan atau peninggalan;
- (b) kami dikehendaki untuk memulangkan wang kepada pembayar atau penyuruh bayar; atau
- (c) kami belum menerima dana yang dijelaskan atau tanpa syarat sepenuhnya atau tepat pada masanya;

dan anda akan diikat oleh mana-mana Penyata Akaun yang dibetulkan.

17.5 Sebarang permintaan untuk Penyata Akaun tambahan mesti dilakukan secara bertulis kepada kami dan akan tertakluk kepada caj sedemikian yang kami mungkin tentukan dari semasa ke semasa.

#### **18. Penyimpanan Rekod**

Anda bersetuju bahawa kami tidak diwajibkan untuk mengekalkan sebarang rekod Akaun termasuk tetapi tidak terhad kepada borang pembukaan akaun, Penyata Akaun, Penyata, dokumen berhubung dengan Amanah Saham, surat-menyurat yang disediakan kepada kami oleh anda atau mana-mana pihak ketiga, melebihi sebarang tempoh pengekalan seperti yang dinyatakan di bawah polisi dalaman, garis panduan dan prosedur kami dan / atau sebagaimana yang diperuntukkan di bawah sebarang undang-undang atau peraturan yang digunakan di mana-mana negara yang mempunyai bidang kuasa ke atas kami.

#### **19. Penutupan Akaun dan Penamatkan Perkhidmatan Amanah Saham**

- 19.1 Anda boleh menutup Akaun di Cawangan dengan memberikan notis bertulis empat belas (14) hari terlebih dahulu dalam bentuk dan kandungan yang boleh diterima oleh kami, dengan menyelesaikan semua jumlah tertunggak (prinsipal, faedah dan sebarang kos lain) yang perlu dibayar kepada kami.
- 19.2 Walau dengan apa-apa yang terdapat dalam Terma dan Syarat ini, kami boleh menutup, menarik balik, menggantung atau membatalkan Akaun:-
- (a) sebagaimana yang kami anggap sesuai dengan memberikan notis terlebih dahulu kepada anda;
  - (b) jika Akaun tidak aktif untuk tempoh berterusan selama dua belas (12) bulan, dengan memberikan notis bertulis terlebih dahulu kepada anda;
  - (c) jika anda tidak mengikuti arahan kami berhubung dengan Terma dan Syarat ini atau jika, pada pendapat kami, anda gagal mematuhi sebarang undang-undang dan peraturan yang digunakan
  - (d) jika pada pendapat kami Akaun yang tidak dikendalikan dengan cara yang biasa atau sepatutnya;
  - (e) jika anda mengancam untuk melanggar atau anda telah melanggar mana-mana Terma dan Syarat ini atau terma dan / atau syarat lain yang boleh digunakan ke atas anda atau mana-mana perjanjian lain sama ada berhubung dengan pinjaman dana atau pemberian pendahuluan atau kredit atau sebaliknya;
  - (f) jika anda memberikan kami maklumat yang tidak benar, tidak tepat, tidak lengkap atau mengelirukan;
  - (g) jika anda tidak membayar apa-apa jumlah yang perlu dibayar kepada kami tepat pada masanya;
  - (h) jika anda meninggal dunia atau menjadi tidak berupaya, mengalami ketidakupayaan mental, tidak mampu bayar, bankrap atau tertakluk kepada prosiding kehakiman;
  - (i) jika sesuatu peristiwa kemungkiran berlaku di bawah mana-mana perjanjian atau pengaturan lain di antara kami;

- (j) penyiasatan oleh pihak polis, pihak berkuasa atau pengawal selia yang belum selesai, berterusan atau akan dikenakan ke atas anda; atau
  - (k) jika anda telah didakwa atau disabitkan dengan sebarang kesalahan jenayah atau mempunyai sebarang rekod jenayah;
  - (l) jika apa-apa laporan telah dibuat terhadap anda di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Akta Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001;
  - (m) jika lokasi anda tidak diketahui oleh kami;
  - (n) jika anda menjadi seorang Rakyat AS;
  - (o) kami memutuskan bahawa terdapat sebarang perubahan dalam keadaan pasaran yang akan menyebabkan penerusan Akaun dan Amanah Saham yang ditawarkan kepada anda untuk menjadi tidak praktikal buat sementara waktu atau secara kekal atau tidak wajar dari segi komersial; atau
  - (p) anda menggunakan Akaun dan / atau perkhidmatan Amanah Saham untuk aktiviti yang menyalahi undang-undang.
- 19.3 Perkhidmatan Amanah Saham di bawah Terma dan Syarat ini akan ditamatkan secara automatik dan serentak pada penutupan Akaun anda menurut Klausula 19.1 atau pembatalan / penamatan Akaun anda menurut Klausula 19.2. Pada penamatan perkhidmatan Amanah Saham di bawah Terma dan Syarat ini, anda dianggap telah memberarkan kami untuk meminta Dana masing-masing memindahkan Amanah Saham kepada anda.
- 19.4 Kami berhak, menurut penialian kami untuk membatalkan, menamatkan atau menggantung Perkhidmatan Amanah Saham secara keseluruhan atau sebahagiannya, pada bila-bila dengan memberikan notis terlebih dahulu. Bagi mengelakkan keraguan, pembatalan, penamatan atau penggantungan Perkhidmatan Amanah Saham oleh kami tidak melayakkan anda untuk sebarang tuntutan atau pampasan terhadap kami untuk sebarang kerugian atau ganti rugi yang dialami atau ditanggung oleh anda sama ada secara langsung atau tidak langsung akibat sebarang pembatalan, penamatan atau penggantungan sedemikian.
- 19.5 Pada penutupan / pembatalan / penamatan Akaun dan / atau pembatalan / penamatan Perkhidmatan Amanah Saham Amanah Saham:-
- (a) kami dianggap telah dibenarkan oleh anda untuk meminta wakil Dana memindahkan Amanah Saham kepada anda. Kami tidak bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan untuk mengatur pemindahan Amanah Saham sehingga semua liabiliti anda kepada kami di bawah Terma dan Syarat telah dilepaskan;
  - (b) anda mesti membayar semua caj, perbelanjaan, fi, kos, cukai, duti, levi dan jumlah tertunggak sehingga tarikh penutupan / pembatalan / penamatan.
- 19.6 Anda tidak boleh menggunakan Akaun atau perkhidmatan Amanah Saham untuk sebarang aktiviti yang menyalahi undang-undang. Jika kami mendapati, mengesyaki atau mempunyai sebab untuk mempercayai Akaun anda atau perkhidmatan Amanah Saham telah atau sedang digunakan untuk sebarang aktiviti yang menyalahi undang-undang, kami mungkin mengambil apa-apa tindakan yang dianggap wajar bagi memenuhi sebarang tanggungjawab atau keperluan di Malaysia atau di tempat lain berhubung dengan pencegahannya atau sebarang aktiviti yang menyalahi undang-undang termasuk tetapi tidak terhad kepada penipuan, pengubahan wang haram, aktiviti keganasan, sogokan, rasuah atau pengelakan cukai atau penguatkuasaan

mana-mana sekatan ekonomi atau perdagangan. Tindakan yang kami mungkin ambil termasuk penutupan Akaun dan perkhidmatan Amanah Saham dengan serta-merta, membuat laporan dan mengambil tindakan sedemikian yang kami anggap wajar.

- 19.7 Apa-apa kewajipan pembayaran oleh kami kepada anda selepas penutupan atau pembatalan / penamatkan Akaun akan dianggap dilepaskan dengan cara wajar dan memadai dalam bentuk wang tunai, draf atau perintah juruwang atau dalam apa-apa cara lain sebagaimana yang kami anggap sesuai.

## 20. Hak Penyelesaian Dan Penggabungan

- 20.1 Sebagai tambahan kepada sebarang hak am untuk menolak selesai di bawah undang-undang atau mana-mana perjanjian lain, anda bersetuju bahawa kami boleh menggabungkan atau menyatukan semua atau mana-mana akaun atau Amanah Saham anda atau mana-mana bahagian (sama ada akaun semasa, deposit, pinjaman atau sebaliknya) dengan kami dengan pemberian notis terlebih dahulu, termasuk akaun yang bertempat di luar negara.
- 20.2 Anda membenarkan kami, selepas memberikan anda notis tujuh (7) hari, untuk mendolak selesai atau memindah sebarang jumlah tertunggak yang berada dalam kredit untuk mana-mana akaun sedemikian (sama ada matang atau tidak) untuk atau terhadap penyelesaian mana-mana liabiliti anda di bawah Terma dan Syarat ini atau di bawah mana-mana perjanjian lain atau untuk apa-apa sebab, sama ada liabiliti tersebut adalah untuk masa kini atau masa hadapan, sebenar atau di luar jangkaan, utama atau kolateral, dan berasingan atau bersama.
- 20.3 Pada pengeluaran notis yang dinyatakan dalam Klausa 19.2 Terma dan Syarat ini, anda bersetuju bahawa kami berhak untuk memperuntukkan atau memegang kepada Amanah Saham sebelum penyelesaian dan anda tidak layak untuk mengeluarkan sebarang Amanah Saham tanpa persetujuan bertulis kami terlebih dahulu.
- 20.4 Di mana penyatuan, penyelesaian, penggabungan atau pemindahan memerlukan penukaran dari satu mata wang ke yang lain, penukaran sedemikian akan dikira pada kadar pertukaran lazim kami seperti yang kami tentukan.
- 20.5 Seterusnya, kami boleh menjual sebarang kolateral yang termasuk tetapi tidak terhad kepada dana, dokumen, instrumen, catel, bon, debentur, saham atau sekuriti lain serta barang bernilai lain yang dipegang oleh kami dalam nama anda, termasuk untuk penjagaan selamat, melalui jualan awam atau peribadi tanpa sebarang prosiding kehakiman, dan mengekalkan prosid daripada jualan tersebut, keseluruhan jumlah yang patut dan perlu dibayar oleh anda kepada kami, termasuk fi dan kos guaman (pada dasar indemniti penuh), caj dan perbelanjaan sampingan lain berhubung dengan jualan sedemikian.
- 20.6 Jika terdapat kekurangan antara jumlah dijangka dan jumlah terealisasi, anda mesti membayar jumlah perbezaan tersebut kepada kami dengan serta-merta apabila diminta, dan sehingga kami menerima bayaran sepenuhnya, anda juga perlu membayar faedah ke atas baki tersebut pada kadar sedemikian yang kami mungkin tentukan dari semasa ke semasa, selepas dan sebelum apa-apa pengadilan, dan tidak mengira sama ada hubungan bank dan pelanggan antara anda dan kami telah terhenti atau ditamatkan.
- 20.7 Pelaburan atau mana-mana hak, hak milik atau kepentingan anda dalamnya tidak boleh diserah hak, dipindah atau dibebankan (melainkan untuk kepentingan kami atau dengan kebenaran bertulis kami). Anda berjanji untuk tidak, atau tidak bertujuan untuk, menjual, menyerah hak, memindah, menggadai janji, mengenakan caj atau sebaliknya mengurus atau membebankan Pelaburan atau mana-mana hak, hak milik atau

kepentingan anda dalamnya, dan apa-apa jualan, penyerahan hak, pemindahan, gadai janji, caj atau urusan lain akan menjadi tidak sah.

## **21. Terma Dan Syarat Perbankan Internet Peribadi UOB**

Sebagai tambahan kepada Terma dan Syarat ini, jika anda meminta perkhidmatan kami melalui Perbankan Internet Peribadi UOB (untuk individu) Terma dan Syarat yang Mentadbir Perkhidmatan Perbankan Internet Peribadi UOB (untuk individu) akan digunakan sebagai tambahan kepada dan bukan penggantian untuk mana-mana Terma dan Syarat ini. Anda boleh membaca Terma dan Syarat yang Mentadbir Perkhidmatan Perbankan Internet Peribadi UOB di [www.uob.com.my](http://www.uob.com.my).

## **22. Tiada Penyelesaian atau Tuntutan Balas**

Sehingga semua wang yang terhutang dibayar atau diselesaikan dengan sepenuhnya, anda tidak akan berhak untuk menuntut sebarang penyelesaian atau tuntutan balas terhadap kami berkaitan dengan sebarang liabiliti kami kepada anda, dengan membayar sebarang jumlah yang boleh didapatkan balik oleh kami atau pada apa-apa alasan lain. Anda bersetuju bahawa tiada apa-apa dalam pengaturan antara kami akan dianggap sebagai mengandungi perjanjian tersirat yang mengehadkan atau menafikan sebarang lien, caj, jaminan, hak penyelesaian atau hak lain yang telah wujud atau tersirat dari segi undang-undang

## **23. Pemindaan**

Kami boleh dari semasa ke semasa, mengubah, menambah, mengeluarkan atau meminda Terma dan Syarat ini dengan memberikan anda notis dua puluh satu (21) hari terlebih dahulu, sama ada melalui Penyata Akaun anda atau melalui pemaparan pada laman web rasmi kami di [www.uob.com.my](http://www.uob.com.my) atau di Cawangan kami, atau dalam apa-apa cara yang kami pilih. Jika anda tidak menerima pindaan tersebut, anda mesti menutup Akaun tersebut dan menamatkan penggunaan perkhidmatan Amanah Saham dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh pemberitahuan sedemikian. Jika anda tidak berbuat demikian, anda akan dianggap telah menerima dan bersetuju dengan perubahan sedemikian dan perubahan tersebut akan mengikat anda.

## **24. Pendedahan**

Anda bersetuju bahawa kami (termasuk pegawai, kakitangan, agen atau mana-mana individu lain yang dibenarkan oleh kami untuk mengakses rekod kami, surat-menjurut atau sebarang bahan berhubung dengan anda, Akaun atau Amanah Saham anda) boleh mendedahkan pada bila-bila masa dan tanpa notis terdahulu kepada anda, sebarang maklumat berkaitan dengan anda, Akaun, Amanah Saham anda dan mana-mana Penandatangan yang Dibenarkan anda kepada pihak berikut:-

- (a) mana-mana satu atau lebih ahli Kumpulan untuk sebarang tujuan berikut:-
  - (i) menyediakan anda dengan perkhidmatan perbankan;
  - (ii) pelaporan;
  - (iii) pemadanan data;
  - (iv) meningkat dan melanjutkan penyediaan perkhidmatan lain oleh kami;
  - (v) pencegahan penipuan atau jenayah;

- (vi) menyiasat, mencegah atau sebaliknya berhubung dengan pengubahan wang haram atau apa-apa aktiviti jenayah lain;
  - (vii) kutipan hutang;
  - (viii) khidmat sumber luar;
  - (ix) pelaksanaan tugas sebagai seorang pegawai Bank atau berkaitan dengan pengauditan atau menjalankan pengurusan risiko;
  - (x) memudahkan pelaksanaan tugas kami atau mana-mana fungsi ahli Kumpulan;
  - (xi) pematuhan pada polisi, garis panduan, arahan atau keperluan Kumpulan;
  - (xii) pelaksanaan peraturan korporat;
  - (xiii) sebarang proses undang-undang yang dimulakan oleh atau dilaksanakan ke atas kami;
  - (xiv) mana-mana Penandatangan yang Dibenarkan atau pengarah anda.
- (b) mana-mana individu, sama ada di Malaysia atau di tempat lain, yang menyediakan perkhidmatan elektronik atau perkhidmatan lain kepada kami untuk tujuan menyediakan, mengemas kini, menyenggarakan dan mempertingkatkan perkhidmatan tersebut, termasuk tetapi tidak terhad kepada siasatan percanggahan, kesilapan atau tuntutan;
- (c) mana-mana individu, sama ada di Malaysia atau di tempat lain, yang dilantik oleh kami untuk tujuan menjalankan atau berkaitan dengan pelaksanaan perkhidmatan atau fungsi operasi yang telah menggunakan khidmat pakar luar;
- (d) pihak polis atau mana-mana pegawai awam yang menjalankan suatu penyiasatan berkaitan dengan sebarang kesalahan termasuk kesalahan yang disyaki;
- (e) bank, institusi kewangan, biro kredit atau agen rujukan kredit yang lain (hanya untuk maklumat kredit);
- (f) juruaudit, peguam cara dan penasihat profesional kami;
- (g) pencetak alat tulis kami, vendor sistem komputer yang kami gunakan, dan individu sedemikian yang memasang dan menyenggarakannya, serta pembekal barang atau pembekal perkhidmatan lain yang dilantik oleh kami;
- (h) mana-mana penerima yang dilantik oleh kami atau mana-mana pihak lain;
- (i) mana-mana biro kredit di mana kami adalah ahli, dan mana-mana ahli dan / atau jawatankuasa pematuhan biro kredit sedemikian;
- (j) mana-mana agensi penarafan, pembekal insurans atau broker insurans atau penyedia perlindungan kredit secara langsung atau tidak langsung;
- (k) mana-mana peserta atau sub-peserta sebenar atau berpotensi berhubung dengan sebarang tanggungjawab kami di bawah perjanjian perbankan di antara kami dan anda, atau pemegang serah hak, *novatee* atau penerima pindahan (atau mana-mana pegawai, kakitangan, agen atau penasihat) atau mana-mana daripada mereka;
- (l) untuk transaksi yang dilaksanakan atau diproseskan dengan atau tanpa kebenaran anda dalam atau melalui mesin teler automatik bank atau institusi kewangan atau bukan kewangan lain atau terminal atau mesin atau peranti dikendalikan kad lain yang

diluluskan oleh kami, kepada kami, institusi kewangan atau bukan kewangan, pedagang atau pihak lain yang menerima penggunaan kad mesin juruwang automatik dan agen atau kontraktor mereka masing-masing;

- (m) mana-mana mahkamah, tribunal atau pihak berkuasa, sama ada kerajaan atau separa-kerajaan yang mempunyai bidang kuasa ke atas kami atau mana-mana ahli Kumpulan;
- (n) mana-mana individu di mana kami, atau mana-mana ahli Kumpulan, dibenarkan atau diperlukan untuk melakukan pendedahan di bawah undang-undang mana-mana negara;
- (o) mana-mana individu lain di mana pendedahan sedemikian dianggap sebagai untuk kepentingan kami, atau kepentingan mana-mana ahli Kumpulan (tidak termasuk perkongsian strategik untuk tujuan pemasaran dan promosi);
- (p) mana-mana negara lain, bank pusat atau pihak berkuasa siasatannya bagi tujuan mematuhi sebarang pertukaran maklumat akaun kewangan secara automatik di bawah mana-mana konvensyen pelbagai hala berkenaan bantuan pentadbiran bersama dalam perkara cukai;
- (q) Biro Kredit Pusat atau mana-mana pihak berkuasa atau badan lain yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia atau mana-mana pihak berkuasa lain yang mempunyai bidang kuasa ke atas kami; atau
- (r) mana-mana Penandatangan yang Dibenarkan.

## 25. Pematuhan Pada Perintah Mahkamah

Kami dan Kumpulan boleh bertindak dalam apa-apa cara yang kami anggap sesuai, tanpa berunding dengan anda terlebih dahulu, jika kami dikemukakan dengan suatu perintah mahkamah oleh mahkamah daripada sebarang bidang kuasa. Anda bersetuju untuk tidak mempertanggungjawabkan kami untuk sebarang kerugian atau ganti rugi berhubung dengan tindakan kami.

## 26. Perlindungan Data

- 26.1 Anda dengan ini mengesahkan bahawa anda telah menerima, membaca, memahami dan bersetuju untuk diikat oleh Notis Privasi yang dikeluarkan oleh kami (yang boleh didapati di cawangan kami dan juga di laman web kami di [www.uob.com.my](http://www.uob.com.my)) dan klausa dalam Terma dan Syarat ini yang mungkin berkaitan dengan pemprosesan Data Peribadi anda. Bagi mengelakkan keraguan, anda bersetuju bahawa Notis Privasi tersebut akan dianggap telah dimasukkan sebagai rujukan ke dalam Terma dan Syarat ini.
- 26.2 Anda membenarkan dan bersetuju bahawa kami boleh memindahkan Data Peribadi (termasuk Data Peribadi mana-mana Subjek Data Pihak Ketiga) ke luar Malaysia. Semua Data Peribadi yang dipegang oleh kami dan Kumpulan akan diberi tahap perlindungan yang munasabah terhadap apa-apa kehilangan, salah guna, pengubahauan, akses atau pendedahan tanpa kebenaran atau tidak sengaja, pengubahan atau pemotongan.
- 26.3 Sekiranya anda menyediakan Data Peribadi berhubung dengan mana-mana Subjek Data Pihak Ketiga kepada kami bagi tujuan pembukaan atau pengendalian Akaun dengan kami atau sebaliknya untuk melanggan produk dan perkhidmatan kami, anda:

- (i) berjanji bahawa anda telah memaklumkan Subjek Data Pihak Ketiga sedemikian untuk membaca Notis Privasi di laman web kami di [www.uob.com.my](http://www.uob.com.my);
  - (ii) mengesahkan dan menjamin bahawa anda telah mendapat persetujuan Subjek Data Pihak Ketiga untuk memproses (termasuk pendedahan dan pemindahan) Data Peribadi mereka atau sebaliknya berhak untuk menyediakan data ini kepada kami untuk kami menggunakan selaras dengan Terma dan Syarat ini dan/atau dalam keadaan di mana kami perlu membuktikan yang sama;
  - (iii) telah memaklumkan Subjek Data Pihak Ketiga sedemikian:-
    - (1) bahawa kami mungkin mengumpul atau mengesahkan Data Peribadi mereka dengan sumber-sumber pihak ketiga;
    - (2) bahawa kami boleh mendedahkan Data Peribadi mereka kepada kelas pihak ketiga seperti yang dinyatakan dalam Notis Privasi kami;
  - (iv) bersetuju untuk memastikan bahawa Data Peribadi Subjek Data Pihak Ketiga sedemikian adalah tepat, lengkap, tidak mengelirukan dan dikemaskinikan;
  - (v) bersetuju untuk mengemas kini secara bertulis kepada kami sekiranya terdapat sebarang perubahan ketara kepada Data Peribadi sedemikian; dan
  - (vi) bersetuju kepada hak kami untuk menamatkan Terma dan Syarat ini dan menutup Akaun jika persetujuan sedemikian ditarik balik oleh Subjek Data Pihak Ketiga sedemikian.
- 26.4 Di mana anda mengarahkan kami untuk melaksanakan sebarang bentuk transaksi rentas sempadan (termasuk untuk melakukan atau menerima bayaran), butiran yang berkenaan dengan transaksi rentas sempadan tersebut (termasuk data yang berkaitan dengan pihak yang terlibat dalam transaksi tersebut, seperti Subjek Data Pihak Ketiga) boleh diterima daripada atau dihantar ke luar negara, di mana ia boleh diakses oleh pengawal selia dan pihak berkuasa luar negara berhubung dengan kewajipan sah mereka (contoh, pencegahan jenayah). Dalam mengarahkan kami dan / atau agen kami untuk melakukan sebarang transaksi rentas sempadan bagi pihak anda, anda bersetuju dengan pendedahan di atas bagi pihak anda dan pihak lain (termasuk Subjek Data Pihak Ketiga) yang terlibat dalam transaksi rentas sempadan sedemikian.
- 26.5 Sebagai tambahan, tetapi sentiasa tertakluk kepada sebarang undang-undang (termasuk peraturan, garis panduan dan / atau tanggungjawab) yang dikenakan ke atas kami dan Kumpulan (sama ada di dalam atau di luar Malaysia), anda bersetuju bahawa kami dan Kumpulan, serta pedagang dan rakan strategik kami boleh menghubungi anda mengenai produk, perkhidmatan dan tawaran yang kami percaya mungkin dapat menarik minat anda atau memanfaatkan anda dari segi kewangan. Walau apapun yang tersebut di atas, kami hanya akan mendedahkan Data Peribadi anda (tidak termasuk data yang berhubung dengan hal ehwal atau Akaun anda) kepada pedagang dan rakan kongsi strategik kami di mana persetujuan nyata anda telah diperoleh terlebih dahulu.
- 26.6 Anda boleh memilih untuk tidak menerima atau berhenti menerima apa-apa bahan pemasaran langsung daripada kami dan Kumpulan dengan menulis kepada kami di 'Perkhidmatan Kewangan Peribadi, Peti Surat 12405, 50944 Kuala Lumpur' (atau alamat lain sedemikian yang dimaklumkan oleh kami dari semasa ke semasa) dengan permintaan anda dan kami akan mematuhi arahan bertulis terkini anda kepada kami.
- 26.7 Anda mengakui bahawa komunikasi tertentu seperti Penyata Akaun dan laman web kami mengandungi maklumat standard mengenai produk dan perkhidmatan lain kami yang tidak boleh dikeluarkan tanpa menjelaskan penghantaran / penyediaan

perkhidmatan dan / atau produk kami, pengendalian Akaun anda tanpa mengenakan kos tambahan kepada anda.

- 26.8 Anda dan Subjek Data Pihak Ketiga berhak untuk meminta secara bertulis:
- (i) untuk apa-apa maklumat berhubung dengan Data Peribadi yang dipegang atau disimpan oleh kami;
  - (ii) untuk apa-apa maklumat yang dipegang atau disimpan oleh kami yang perlu dikemaskini, dipinda dan / atau diperbetulkan;
  - (iii) untuk kami menghadkan pemrosesan Data Peribadi yang dipegang atau disimpan oleh kami; dan
  - (iv) untuk melakukan pertanyaan atau aduan berkenaan dengan pemrosesan Data Peribadi.

Untuk pertanyaan di bawah (i) atau (ii), anda dan/atau Subjek Data Pihak Ketiga boleh melakukan permintaan kepada kami melalui Borang Permintaan Mengakses Data atau Borang Permintaan Membetulkan Data masing-masing. Borang-borang ini boleh didapati di cawangan kami dan juga di laman web kami di [www.uob.com.my](http://www.uob.com.my).

Anda dan/atau Subjek Data Pihak Ketiga boleh mengarahkan semua permintaan ke mana-mana cawangan kami atau ke ‘Pengurusan Komunikasi Pelanggan, Peti Surat 11212, 50738 Kuala Lumpur’.

Kami mungkin mengenakan fi untuk memproses permintaan anda untuk mengakses Data Peribadi. Kami juga mungkin menolak permintaan anda berkenaan dengan (i) atau (ii) di atas jika maklumat yang diberikan oleh anda dan/atau Subjek Data Pihak Ketiga tidak mencukupi (sebagaimana yang kami tentukan) atau di mana permintaan sedemikian boleh memungkiri atau melanggar sebarang undang-undang atau peraturan atau apa-apa sebab lain yang kami anggap bukan pada kepentingan kami untuk berbuat demikian. Jika kami enggan mematuhi permintaan tersebut, kami akan memaklumkan anda dan Subjek Data Pihak Ketiga mengenai keengganan dan sebab keengganan kami.

- 26.9 Anda bertanggungjawab untuk memastikan bahawa maklumat yang anda berikan kepada kami adalah tepat, lengkap dan tidak mengelirukan dan bahawa maklumat sedemikian sentiasa dikemaskinikan.
- 26.10 Sila dimaklumkan bahawa jika kami tidak lagi berhak untuk memproses Data Peribadi yang diberikan kepada kami oleh anda (termasuk di mana anda dan/atau Subjek Data Pihak Ketiga kemudiannya menarik balik kebenaran untuk memproses Data Peribadi), kami mungkin tidak dapat memproses Data Peribadi anda secara berkesan, atau memprosesnya sama sekali, berhubung dengan sebarang tujuan yang dinyatakan dalam Notis Privasi. Sehubungan itu, kami berhak untuk tidak menyediakan atau tidak meneruskan penyediaan mana-mana produk, perkhidmatan, Akaun dan/atau kemudahan yang dikaitkan dengan Data Peribadi sedemikian.
- 26.11 Kami berhak untuk meminda klaus 26 ini dari semasa ke semasa pada budi bicara tunggal kami dan akan memberikan notis bertulis terlebih dahulu kepada anda dan menyatakan apa-apa pindaan sedemikian di laman web kami atau meletakkan notis di ruang perbankan atau di kawasan utama di cawangan kami atau dengan apa-apa cara komunikasi lain yang kami anggap sesuai.
- 26.12 Klaus 26 ini tidak akan menjelaskan sebarang klaus lain dalam Terma dan Syarat ini yang berkenaan dengan pendedahan data.

## 27. Pematuhan FATCA

- 27.1 Anda perlu menyediakan semua dokumentasi atau maklumat yang diperlukan, termasuk tetapi tidak terhad kepada tarikh lahir, negara kewarganegaraan, negara-negara kediaman tetap, negara-negara kediaman cukai dan nombor pengenalan pembayar cukai yang berkaitan, yang mungkin diperlukan untuk membolehkan kami atau mana-mana ahli Kumpulan mematuhi semua keperluan FATCA atau perjanjian lain oleh atau antara kerajaan.

Anda perlu memaklumkan kami secara bertulis dalam tempoh tiga puluh (30) hari mengenai sebarang perubahan yang menjelaskan status cukai anda berhubung dengan FATCA di bawah sebarang undang-undang, peraturan atau perjanjian lain oleh atau antara kerajaan.

- 27.2 Anda mewakili dan menjamin bahawa anda telah memberikan semua dokumentasi atau maklumat lain kepada kami sebagaimana yang mungkin diperlukan oleh kami untuk mematuhi FATCA dan berhubung dengan perubahan dalam status cukai dan akan menyediakan semua dokumentasi atau maklumat lain yang diperlukan dalam tempoh tujuh (7) hari dari permintaan daripada kami secara bertulis atau sebaliknya.

Anda selanjutnya mengakui bahawa apa-apa kegagalan di pihak anda untuk memberikan maklumat yang tepat dan tepat pada masanya menurut keperluan dan permintaan kami boleh menyebabkan kami menganggap bahawa anda bersikap degil dan / atau boleh dilaporkan dan mengambil segala tindakan yang diperlukan terhadap anda dalam usaha kami untuk mematuhi keperluan di bawah FATCA, undang-undang tempatan berhubung dengan FATCA dan mana-mana peruntukan lain yang timbul daripada perjanjian antara kerajaan yang berkaitan dengan FATCA.

- 27.3 Bagi pelanggan individu, anda bersetuju dengan pengumpulan, penyimpanan, dan pendedahan oleh kami atau mana-mana ahli Kumpulan mengenai apa-apa Data Peribadi kepada individu-individu di mana kami atau mana-mana ahli Kumpulan menerima atau melakukan pembayaran bagi pihak anda dan kepada pihak berkuasa kerajaan seperti yang diperlukan oleh undang-undang atau perjanjian lain oleh atau antara kerajaan. Kebenaran anda akan berkuatkuasa tanpa mengira sebarang perjanjian tiada pendedahan yang digunakan. Anda menyatakan bahawa anda telah memperolehi sebarang persetujuan atau penepian yang diperlukan daripada mana-mana pihak ketiga di mana maklumatnya telah diberikan kepada kami bagi membenarkan kami atau mana-mana ahli Kumpulan menjalankan tindakan seperti yang dinyatakan dalam Klausa 27 ini, dan bahawa anda akan memperolehi persetujuan dan penepian sedemikian terlebih dahulu sebelum memberikan maklumat yang sama kepada kami pada masa hadapan.

- 27.4 Bagi pelanggan yang merupakan pemilik tunggal, perkongsian atau entiti perniagaan lain, syarikat, atau persatuan, kelab atau pertubuhan atau amanah, anda bersetuju dengan pengumpulan, penyimpanan, dan pendedahan oleh kami atau mana-mana ahli Kumpulan mengenai sebarang Maklumat Sulit kepada individu-individu di mana kami atau mana-mana ahli Kumpulan menerima atau melakukan pembayaran bagi pihak anda dan kepada pihak berkuasa kerajaan seperti yang diperlukan oleh undang-undang atau perjanjian lain oleh atau antara kerajaan. Maklumat Sulit termasuk data peribadi anda, butiran akaun bank, maklumat transaksi, dan apa-apa maklumat lain yang dianggap bersifat sulit atau proprietari oleh seseorang yang munasabah. Kebenaran anda akan berkuatkuasa tanpa mengira sebarang perjanjian tiada pendedahan yang digunakan. Anda menyatakan bahawa anda telah memperolehi sebarang persetujuan atau penepian yang diperlukan daripada mana-mana pihak ketiga di mana maklumatnya telah diberikan kepada kami bagi membenarkan kami atau mana-mana ahli Kumpulan menjalankan tindakan seperti yang dinyatakan dalam Klausa 27 ini, dan bahawa anda akan memperolehi persetujuan dan penepian sedemikian terlebih dahulu sebelum memberikan maklumat yang sama kepada kami pada masa hadapan.

- 27.5 Anda bersetuju dan mengakui bahawa kami berhak untuk mengambil segala tindakan yang diperlukan untuk mematuhi dan kekal mematuhi FATCA sebagaimana yang diperlukan oleh undang-undang atau perjanjian lain oleh atau antara kerajaan. Jika sebahagian daripada pendapatan anda boleh dilaporkan dan sebahagiannya tidak, kami akan melaporkan semua pendapatan kecuali kami dapat menentukan jumlah yang boleh dilaporkan dengan sewajarnya. Anda dengan ini membenarkan kami atau mana-mana ahli Kumpulan kami, di mana sesuai, untuk menahan atau mengutip sebarang bayaran, sebarang cukai atau penilaian kerajaan lain yang diperlukan, termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang keperluan untuk menahan atau memotong jumlah di bawah Kod serta peraturan dan garis panduan lain yang dikeluarkan di bawah Kod, di mana setiap daripadanya dipinda dari semasa ke semasa atau mana-mana perjanjian lain dengan atau antara pihak berkuasa.
- 27.6 Kami atau mana-mana ahli Kumpulan, boleh mengambil apa-apa tindakan kami yang kami anggap sesuai untuk memenuhi sebarang tanggungjawab, sama ada di Malaysia atau di tempat lain di dunia, berhubung dengan pencegahan pengelakan cukai. Ini mungkin termasuk, tetapi tidak terhad kepada, menyiasat dan memintas bayaran ke dalam dan keluar daripada akaun anda (terutamanya dalam hal pemindahan dana antarabangsa), menyiasat sumber atau penerima yang dimaksudkan untuk dana, perkongsian maklumat dan dokumen dengan pihak berkuasa cukai tempatan dan antarabangsa dan menahan pendapatan dari akaun anda dan memindahkannya kepada pihak berkuasa cukai tersebut. Jika kami tidak berpuas hati bahawa suatu pembayaran ke dalam atau ke luar daripada akaun anda adalah sah disisi undang-undang, kami boleh menolak pelaksanaannya.
- 27.7 Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, kami tidak akan bertanggungjawab kepada anda untuk sebarang kerugian, kos, perbelanjaan, ganti rugi, liabiliti yang anda mungkin alami akibat daripada pematuhan kami kepada undang-undang, peraturan, perintah atau perjanjian dengan pihak berkuasa cukai atau oleh dan antara pihak berkuasa cukai atau jika kami melakukan penentuan yang salah sama ada anda patut dianggap sebagai tertakluk kepada cukai atau tanggungjawab pelaporan cukai.
- 27.8 Klausus 27 ini akan mengatasi mana-mana terma yang tidak konsisten atau persetujuan yang diberikan oleh anda di bawah mana-mana perjanjian dengan kami setakat perjanjian sedemikian menyediakan hak yang berkurangan bagi kami, sama ada sebelum atau selepas tarikh Terma dan Syarat ini. Klausus 27 ini tidak akan mempengaruhi sebarang klausus lain dalam Terma dan Syarat ini yang menyediakan permintaan untuk maklumat atau pendedahan data

## 28. Notis Dan Komunikasi

- 28.1 Anda mesti mengekalkan alamat surat-menjurut tempatan yang tetap di Malaysia.
- 28.2 Anda mesti memaklumkan kami secara bertulis dengan serta-merta mengenai sebarang perubahan dalam alamat, nombor faksimili, alamat mel elektronik atau telefon bimbit anda dan / atau pekerjaan atau perniagaan ("Maklumat") atau jika anda bercadang untuk berada di luar Malaysia untuk lebih daripada tiga puluh (30) hari.
- 28.3 Kami boleh, pada budi bicara mutlak kami, menghantar sebarang Penyata Akaun, notis atau komunikasi kepada anda dalam apa-apa cara seperti berikut:-
- mel elektronik ke alamat terakhir e-mel anda yang terdapat dalam rekod kami;
  - pos (berdaftar, berdaftar Akuan Terima, biasa atau sebaliknya) atau dihantar dengan tangan atau ditinggalkan di alamat terakhir yang terdapat dalam rekod kami;

- (c) memaparkan notis di Cawangan;
  - (d) menyiaran notis atau komunikasi dalam laman web rasmi kami di [www.uob.com.my](http://www.uob.com.my);
  - (e) dengan meletakkan iklan atau notis am dalam surat khabar harian;
  - (f) siaran radio atau televisyen atau mana-mana bentuk komunikasi media lain;
  - (g) faksimili atau teleks ke nombor faksimili atau teleks terakhir anda yang terdapat dalam rekod kami.
- 28.4 Notis atau komunikasi tersebut akan dianggap telah diterima oleh anda pada hari ia dihantar, pada hari berikutnya pengeposan atau pada hari pemaparan, penerbitan atau penyiaran tersebut dilakukan.
- 28.5 Kami juga berhak untuk menyampaikan apa-apa notis berkenaan dengan Akaun dalam mana-mana satu surat khabar harian dan notis tersebut akan dianggap telah disampaikan kepada anda pada hari iklan tersebut dipaparkan dalam surat akhbar tersebut.
- 28.6 Perubahan dalam maklumat hubungan:-
- (a) Anda bersetuju untuk memaklumkan kami dengan serta-merta mengenai sebarang perubahan dalam surat-menyurat / pengeposan atau alamat kediaman dan maklumat hubungan anda ("Maklumat").
  - (b) Jika anda tidak memaklumkan kami mengenai sebarang perubahan dalam Maklumat anda, anda bersetuju bahawa kami mungkin pada budi bicara mutlak kami, bergantung pada:
    - (i) sebarang alamat dan / atau maklumat hubungan yang dinyatakan dalam borang permohonan atau yang dinyatakan dalam rekod kami; atau
    - (ii) sebarang alamat dan / atau maklumat hubungan yang kami peroleh daripada sebarang komunikasi yang dikatakan telah dihantar oleh anda kepada kami.
  - (c) Sebarang kegagalan oleh anda untuk memaklumkan kami mengenai perubahan dalam Maklumat anda yang menyebabkan kelewatan atau tiada penghantaran mana-mana Penyata Akaun, surat-menyurat dan / atau notis tidak akan menjelaskan hak dan kelayakan kami di bawah Terma dan Syarat ini.

## 29. Penyampaian Proses Undang-undang

Penyampaian sebarang writ atau saman atau apa-apa proses undang-undang lain berhubung dengan tuntutan yang timbul daripada atau berkaitan dengan Akaun boleh dilaksanakan ke atas anda melalui mel biasa yang dihantar ke alamat terakhir anda yang diketahui oleh kami. Penyampaian sedemikian akan dianggap sebagai penyampaian yang memuaskan dan mencukupi ke atas anda pada hari berikutnya pengeposan tersebut, walaupun jika ia tidak dihantar atau dikembalikan.

### 30. Keadaan Di Luar Kawalan Kami

Jika kami tidak dapat melaksanakan sebarang tanggungjawab kami di bawah Terma dan Syarat ini, atau menjalankan sebarang operasi atau menyediakan sebarang perkhidmatan akibat daripada apa-apa sebab di luar kawalan kami, termasuk:-

- (a) kebakaran, gempa bumi, banjir, epidemik, malapetaka semula jadi, kemalangan, kerusuhan, kekacauan awam, pertikaian industri, tindakan keganasan, embargo, peperangan, bencana alam;
- (b) sebarang kegagalan atau gangguan telekomunikasi, internet, bekalan elektrik, air, bekalan bahan api; atau
- (c) sebarang keadaan dalam bentuk peristiwa tidak diduga yang menghalang kami daripada melaksanakan tanggungjawab kami di bawah Terma dan Syarat ini;

kami tidak akan dipertanggungjawabkan dalam apa-apa cara untuk sebarang kegagalan pelaksanaan atau untuk sebarang kesulitan, kerugian, kecederaan dan ganti rugi yang dialami atau ditanggung secara langsung atau tidak langsung oleh anda akibat daripadanya.

### 31. Indemniti

Sebagai tambahan kepada dan tanpa menjelaskan peruntukan lain dalam Terma dan Syarat ini, anda tidak mempunyai hak tuntut terhadap kami dan akan terus melindungi kami dan tidak mempertanggungjawabkan kami daripada dan terhadap semua kerugian, tuntutan, kos, pampasan, caj dan perbelanjaan, termasuk kos guaman pada dasar indemniti penuh dan semua barang dan perkhidmatan, nilai ditambah dan duti, levi dan cukai yang perlu dibayar lain pada kos, caj dan perbelanjaan sedemikian yang kami mungkin menampung, mengalami atau menanggung berhubung dengan:-

- (a) penyediaan perkhidmatan Amanah Saham;
- (b) pergantungan dan pengambilan tindakan ke atas atau pelaksanaan sebarang Arahan yang dikatakan telah diberi kepada kami menurut Terma dan Syarat ini sama ada arahan tersebut adalah tidak sah, tidak tepat atau tidak lengkap atau sebaliknya;
- (c) berhubung dengan pengekalan atau penguatkuasaan hak kami di bawah Terma dan Syarat ini atau akibat daripada sebarang ketidakpatuhan terhadap Terma dan Syarat ini atau apa-apa terma dan syarat lain yang berkenaan oleh anda;
- (d) berhubung dengan apa-apa tindakan yang diambil oleh mana-mana pihak terhadap anda atau mana-mana akaun untuk apa-apa sebab sekalipun, termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang penggunaan Akaun dan / atau perkhidmatan Amanah Saham yang menyalahi undang-undang, menipu, cuai atau tidak dibenarkan;
- (e) berhubung dengan apa-apa penglibatan oleh kami dalam sebarang prosiding dalam apa-apa bentuk untuk melindungi atau berhubung dengan Akaun dan / atau perkhidmatan Amanah Saham;
- (f) berhubung dengan pematuhan kami kepada mana-mana undang-undang atau peraturan atau arahan rasmi sedia ada atau masa depan berhubung dengan mana-mana Terma dan Syarat ini;

- (g) yang timbul daripada atau berhubung dengan sebarang undang-undang atau peraturan pencukaian mana-mana negara yang mempunyai bidang kuasa ke atas kami.

### **32. Penepian**

Kegagalan untuk menjalankan, atau kelewatan untuk menjalankan sebarang hak, kuasa, keistimewaan atau remedi oleh kami tidak akan dianggap sebagai suatu penepian, ataupun pelaksanaan sesuatu atau sebahagian hak, kuasa, keistimewaan atau remedi lain. Hak dan remedi di bawah Terma dan Syarat ini adalah kumulatif dan tidak eksklusif untuk mana-mana hak atau remedi yang diperuntukkan oleh undang-undang.

### **33. Kebolehasingan**

Ketidaksahan atau tiada penguatkuasaan mana-mana peruntukan dalam Terma dan Syarat ini tidak akan menjadikan tujuan dasar Terma dan Syarat ini. Ketidaksahan atau tiada penguatkuasaan peruntukan ini boleh diasingkan, dan tidak akan menjadikan kesahan atau penguatkuasaan terma dan peruntukan lain, yang akan kekal dikuatkuasakan dan dilaksanakan pada tahap sepenuhnya.

### **34. Perlindungan Hak dan Kelayakan**

Hak dan kelayakan kami di bawah Terma dan Syarat ini akan terus berkuatkuasa dan berkesan sepenuhnya, dan akan terlindung daripada sebarang pembatalan, pemansuhan atau penggantungan penggunaan Akaun dan / atau Perkhidmatan Amanah Saham.

### **35. Perubahan dalam Perlembagaan**

Terma dan Syarat ini akan terus sah dan mengikat untuk semua tujuan, walaupun terdapat perubahan dalam perlembagaan anda atau kami. Jika sebuah syarikat, ini mungkin berlaku melalui penyatuan, penyepadan, pembinaan semula, penggabungan atau sebaliknya, atau melalui kematian jika seseorang individu.

### **36. Penyerahan Hak**

- 36.1 Tanpa mendapatkan persetujuan bertulis daripada kami terlebih dahulu, anda tidak boleh, dalam apa-apa cara menyerah hak, mengenakan caj, memindah, menggadai janji, mencagar atau sebaliknya membebarkan atau membenarkan pelaksanaan apa-apa penyerahan hak, pengenaan caj, pemindahan, gadai janji atau pembebasan hak dan kepentingan lain anda di bawah Terma dan Syarat ini atau bagi pihak mana-mana Amanah Saham kecuali yang memihak pada kami.
- 36.2 Kami boleh menyerahkan mana-mana atau semua hak kami di bawah Terma dan Syarat ini dan di bawah Akaun kepada mana-mana individu yang kami anggap sesuai.

### **37. Undang-Undang Yang Mentadbir**

Terma dan Syarat akan ditadbir oleh undang-undang Malaysia, dan anda bersetuju secara muktamad untuk:-

- (a) menyerah kepada bidang kuasa tidak eksklusif Mahkamah Malaysia;
- (b) mengetepikan sebarang bantahan pada alasan kesesuaian tempat, bidang kuasa atau apa-apa alasan yang sama; dan
- (c) bersetuju kepada proses perkhidmatan melalui pos biasa atau dalam apa-apa cara yang dibenarkan oleh Terma dan Syarat ini dan / atau undang-undang yang berkenaan.

### **38. Pengikatan Pengganti**

Terma dan Syarat ini akan mengikatkan waris dan wakil peribadi dan pengganti hak milik dan pemegang serah kami.

### **39. Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM)**

Pelaburan yang dikekalkan dalam Akaun oleh anda tidak layak dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM). Anda telah dimaklumkan bahawa sebarang wang yang dikeluarkan daripada deposit yang diinsuranskan bagi tujuan pembelian Amanah Saham tidak dilindungi oleh PIDM dan satu salinan risalah PIDM telah diberikan kepada anda.

### **40. Carian**

Kami boleh tetapi tidak diwajibkan untuk melakukan carian kebankrapan atau carian berkaitan kredit daripada mana-mana agensi rujukan kredit, pangkalan data atau sistem ke atas mana-mana individu sebelum dan pada bila-bila masa selepas pembukaan Akaun. Anda bersetuju untuk kami melakukan carian sedemikian terhadap anda setakat yang dibenarkan oleh undang-undang.